



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, 19 November 2012 (Isnin)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.(Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Ismail bin Habib  
**Bentara**

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof  
Encik Mohamad Redzuan bin Adam  
Encik Shahzrin bin Dzahari  
Encik Izal Izlan bin Misnon  
Encik Mohd Saiful Nizam bin Hasmawi  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbhasan**

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor ke-12 pada 19 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA.**

**II. PROKLAMASI.**

**SETIAUSAHA DEWAN:** OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), DARJAH KERABAT (JOHOR), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 19 November 2012 hingga 23 November 2012 dan 26 November 2012 hingga 30 November 2012 dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 01hari bulan Oktober 2012.  
[ DUN. Sel. 30287/12 Jld 12

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor,

**TUAN SPEAKER:** Salam sejahtera dan selamat datang kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan para pemerhati sekalian. Bertemu sekali lagi dalam mesyuarat ketiga dewan yang mulia ini bagi penggal kelima Dewan Negeri Selangor yang ke-12. Sebelum saya meneruskan sesi aturan mesyuarat urusan hari ini, ingin saya maklumkan bahawa pada pagi ini saya telah pun meluluskan permohonan cuti daripada Y.B. Seri Setia yang bercuti kerana menghadiri kursus antarabangsa di Bangkok selama empat hari. Baik, saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan aturan mesyuarat.

### **III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Bilangan Mesyuarat Bil. 9 Tahun 2012
  - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.2/2012);
- ii) Kertas Mesyuarat Bil. 10 Tahun 2012
  - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2013/2012), Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan (No.2/2012);
- iii) Kertas Mesyuarat Bil.11 Tahun 2012
  - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;
- iv) Kertas Mesyuarat Bil.12 Tahun 2012
  - Sijil Ketua Audit Negara dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 bagi 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor :-

Majlis Bandaraya Shah Alam;  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya;  
Majlis Perbandaran Klang;  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya;  
Majlis Perbandaran Subang Jaya;  
Majlis Perbandaran Selayang;  
Majlis Perbandaran Kajang;  
Majlis Perbandaran Sepang,



Majlis Daerah Kuala Selangor;  
Majlis Daerah Hulu Selangor;  
Majlis Daerah Kuala Langat;  
Majlis Daerah Sabak Bernam.

- v) Kertas Bil.13 Tahun 2012
  - Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;
- vi) Kertas Mesyuarat Bil.14 Tahun 2012
  - Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi serta Aktiviti Jabatan / Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2011;
- vii) Kertas Mesyuarat Bil.15 Tahun 2012
  - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor;
- viii) Kertas Mesyuarat Bil.16 Tahun 2012
  - Penyata Kewangan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;
- ix) Kertas Mesyuarat Bil.17 Tahun 2012
  - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;
- x) Kertas Mesyuarat Bil.18 Tahun 2012
  - Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;
- xi) Kertas Mesyuarat Bil.19 Tahun 2012
  - Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2012 dan Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Kedua 2012 bagi Kerajaan Negeri Selangor;
- xii) Kertas Bil. 20 Tahun 2012
  - Laporan Tahunan Tabung Warisan Negeri Selangor Tahun 2011;
- xiii) Kertas Mesyuarat Bil. 21 Tahun 2012
  - Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011;

- xiv) Kertas Mesyuarat Bil. 22 Tahun 2012
  - Memorandum Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011;
- xv) Kertas Mesyuarat Bil. 23 Tahun 2012
  - Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor 2013;
- xvi) Kertas Mesyuarat Bil. 24 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) mengenai perolehan, penggunaan dan pulangan pinjaman RM90.3 juta oleh PAISB (PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.) daripada Kementerian Kewangan;
- xvii) Kertas Mesyuarat Bil. 25 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) mengenai kejadian banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan;
- xviii) Kertas Mesyuarat Bil. 26 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) mengenai Laporan Audit Dalam Tahun 2010 berhubung pengurusan kewangan Yayasan Selangor;
- xix) Kertas Mesyuarat Bil. 27 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) mengenai permohonan pembangunan tanah padang PKNS di Kelana Jaya dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2);
- xx) Kertas Mesyuarat Bil. 28 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketulusan (SELCAT) mengenai siasatan ke atas urus niaga perlombongan pasir Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB);
- xxi) Kertas Mesyuarat Bil. 29 Tahun 2012
  - Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pejabat Daerah dan Tanah (JPPADAT);

- xxii) Kertas Mesyuarat Bil. 30 Tahun 2012
  - Arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada elaun seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan 1980 - Enakmen No.8 tahun 1980);
- xxiii) Kertas Mesyuarat Bil. 31 Tahun 2012
  - Resolusi Penubuhan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957;
- xxiv) Kertas Mesyuarat Bil. 32 Tahun 2012
  - Kertas Putih Pelunasan Menyeluruh hutang Talam (*Talam Global That Settlement White Paper*);
- xxv) Kertas Mesyuarat Bil. 33 Tahun 2012
  - Kertas Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

#### **IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekalian, sebelum saya memulakan sesi pertanyaan sukacita saya memperingatkan perintah Tuan Speaker Bil.1/2012 yang telah pun menghadkan masa untuk menjawab selama 3 minit dan apabila lampu kuning menyala bererti tinggal 30 saat dan bagi soalan tambahan dihadkan masa 30 saat. Baik, dipersilakan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** No. 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(BUKIT ANTARABANGSA)**

**TAJUK : PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

- 1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
  - (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk meneliti teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam usaha untuk mempertahankan dan mempertingkatkan lagi prestasi kewangan Kerajaan Negeri sebagai model pengurusan yang berteraskan tata kelola yang baik dan prinsip *value for money*?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Y.B. Dato' Speaker, soalan Bukit Antarabangsa adalah mengenai langkah-langkah diambil untuk meneliti teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dan usaha untuk mempertahankan dan mempertingkatkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri.

Saya ingin memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri memandang serius setiap teguran dan pemerhatian oleh Ketua Audit Negara dan tindakan membetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak audit dan mengambil tindakan pencegahan bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.

Sukacita saya nyatakan dalam usaha kita menggunakan model pengurusan yang berteraskan tata kelola yang baik dan prinsip *value for money*, Ketua Audit Negara telah menyatakan bahawa terdapat peningkatan pelaburan 2011 sebanyak RM1.55 bilion berbanding sebelumnya RM928.61 juta. ini merupakan peningkatan berterusan bagi kelima-lima tahun. Peningkatan hasil negeri bertambah RM62.50 juta dan kumpulan wang disatukan meningkat daripada RM1.9 ribu juta kepada RM1.58 ribu juta pada tahun 2010. Pembayaran hutang awam yang sangat baik, projek pembangunan yang sangat baik dari segi perbelanjaan dan bilangan projek yang lulus. Saya merasa tanggungjawab kita ialah untuk menentukan rakyat percaya tentang kebolehan kita dalam menguruskan kewangan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : LOJI PEMROSESAN BENIH PADI SUNGAI BURONG**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah status terkini loji tersebut dan berapakah kos penyelenggaraan bagi setiap bulan?
- b) Sila nyatakan siapakah penyewa utama loji tersebut dan berapakah sewa bulanannya?
- c) Sila nyatakan bilakah dan apakah punca sebenar loji tersebut diswastakan?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, bagi jawapan soalan di atas adalah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan wajar diajukan di Sidang Parlimen.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Y.B. EXCO dari Kota Anggerik, sebagai EXCO Pertanian walaupun ini (soalan yang saya ajukan ini) berkaitan dengan loji pemprosesan benih padi adalah luar bidang kuasa tetapi sebagai EXCO kita wajib ambil maklum mengenai perkara ini. Tidak boleh lari kerana ini berkaitan dengan kepentingan rakyat (petani). Jadi, minta penjelasan apa sebenarnya berlaku.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, sebagai penjelasan selaku EXCO saya maklum bahawa ia tidak terlepas daripada tugas Kerajaan Negeri. Loji pemprosesan benih padi Sungai Burong telah siap dibina pada tahun 1998. Loji tersebut di bina di bawah Program Pembangunan Jabatan Pertanian Persekutuan. Operasi pengeluaran benih padi sah bermula pada musim 1, 1998. Loji tersebut di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Persekutuan dari tahun 1998 hingga Mac 2010. Loji tersebut diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Petani Muda (MADA) pada Mac 2010 selaras dengan keputusan Mesyuarat Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertarikh 31 Disember 2007 dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 26 Januari 2010.

Ekoran daripada keputusan dasar tersebut, Jabatan Pertanian Persekutuan dikehendaki melepaskan fungsi Program Pengeluaran Benih Padi Sah secara berperingkat mulai tahun 2007. Program Pengeluaran Benih Padi seterusnya diterajui oleh pihak swasta dan Jabatan Pertanian Persekutuan bertindak sebagai agensi pemeraku kualiti benih padi yang sah.

Berhubung soal kedua dan ketiga, ia tidak ada maklumat yang itu.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. HAJI ABD RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK : PENYERAHAN DEWAN DAN BALAIRAYA**

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah dewan dan balai raya yang ditadbir oleh UMNO atau orang perseorangan yang belum diserahkan ke Pejabat Daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang?
- b) Apakah tindakan yang dijalankan oleh pihak berkuasa kepada individu atau parti terutama UMNO yang tidak menyerahkan dewan tersebut.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. dari Meru bertanyakan tentang penyerahan dewan dan balai raya. Berapakah jumlah dewan / balai raya yang ditadbir oleh UMNO dan orang perseorangan yang belum diserahkan kepada Pejabat Daerah Klang dan Majlis Perbandaran Klang? Balai raya yang belum diserahkan ialah 2 buah lagi.

Apakah tindakan yang dijalankan oleh pihak berkuasa kepada individu atau parti terutama UMNO yang tidak menyerahkan dewan tersebut? Pejabat Daerah Klang telah mengadakan perbincangan dengan JKPP dan mereka telah bersetuju untuk menyerahkan kembali balai raya tersebut.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Pembinaan balai raya atau dewan orang ramai merupakan satu keperluan bagi sesuatu masyarakat untuk bukan saja mesyuarat tetapi kenduri-kenduri kendara. Adakah bentuk bangunan sekarang sesuai dengan keperluan-keperluan semasa masyarakat? Kalau kita lihat umpamanya di Putrajaya diwujudkan seperti kompleks jalanan yang agak sesuai. Adakah cadangan untuk mengubahsuaikan bentuk-bentuk binaan balai raya atau dewan orang ramai untuk kesesuaian bagi *multipurpose* bagi masyarakat setempat? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, kajian dibuat telah menunjukkan penempatan-penempatan dan kawasan perumahan baru yang akan dibina kita masukkan program pembinaan balai-balai raya tersebut mengambil kira kegunaan-kegunaan masyarakat. Tetapi, perkara yang sekarang kita dapati ialah balai-balai raya yang sudah terbina dalam keadaan yang tidak sesuai dengan pembangunan yang berlaku di sekitar kawasan-kawasan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan berkaitan dengan balai raya yang tidak diserahkan. Terdapat juga balai raya yang dibina daripada dana kerajaan tetapi balai raya itu dibina di atas tanah individu. Maka dengan

itu, sampai hari ini balai raya tersebut tidak diserahkan. Bagaimana tindakan oleh kerajaan negeri? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, itu salah satu daripada kelemahan pembinaan yang lepas di mana balai-balai raya itu dibina di atas tanah persendirian. Mengikut undang-undang, tanah persendirian (pembinaan tersebut) pemiliknya ialah orang persendirian. Kita telah mengadakan beberapa usaha supaya kita dapat mengambil alih tanah bukan bangunan sahaja tetapi tanah untuk diselesaikan pemilikannya. Tapi pengajaran yang terbaik ialah tidak lagi membina pembinaan balai raya ataupun balai penggunaan awam di tanah persendirian.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan nombor 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : SIM BANTUAN TADIKA – TUNAS DAN SIKEMBAR**

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah peruntukan bantuan yuran tadika Tunas, bilangan penerima skim bantuan tersebut serta kawasan yang mereka tinggal?
  - b) Berapakah peruntukan bantuan yuran taska SiKembar, bilangan penerima skim bantuan tersebut serta kawasan yang mereka tinggal?

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 4 bertanya tentang Skim Tadika Tunas. Untuk pengetahuan, bagi jumlah sejumlah RM1juta 16ribu telah diperuntukkan bagi tahun 2012 bagi Program Si Tunas iaitu satu program untuk pembiayaan kepada anak-anak yang masuk tadika sebanyak RM50 sebulan dan pecahan kepada kawasan-kawasan yang telah menerima ataupun telah mendapat manfaatnya terlalu panjang Tuan Speaker. Jadi, saya hanya mengumumkan daerah.

- i) Daerah Sabak Bernam – 326 orang;
- ii) Daerah Hulu Selangor – 22 orang;
- iii) Daerah Kuala Selangor – 162 orang;
- iv) Daerah Gombak – 108 orang;
- v) Daerah Hulu Langat – 92 orang;
- vi) Daerah Petaling – 138 orang;
- vii) Daerah Klang – 415 orang;

- viii) Daerah Kuala Langat – 155 orang; dan
- ix) Daerah Sepang – 41 orang.

Yang mana jumlah keseluruhannya adalah sebanyak 1,455 orang.

Bagi Skim SiKembar pula iaitu skim di mana anak-anak taska akan mendapat RM100 setiap bulan sebanyak peruntukan RM1,000,200 telah disalurkan bagi tahun 2012. Dan jumlah keseluruhan penerima adalah sebanyak 142 setakat Oktober 2012. Itu adalah jawapan saya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Adakah peruntukan yang telah diberi itu telah habis digunakan? Yang keduanya adakah peruntukan ini akan ditambah untuk diperluaskan skim kepada warga Selangor? Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Peruntukan ini adalah yang sebagaimana yang saya telah terangkan tadi ianya belum habis digunakan bagi tahun ini, tetapi peruntukan ini telah dimasukkan ke dalam bajet tahunan sebanyak (tiap-tiap tahun sebanyak maksimum RM2 juta) pada Program SiKembar.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ingin bertanya berkaitan keberkesanan Skim Tunas ini kerana kita dapati ia hanya tertumpu pada luar bandar. Di mana di bandar kemiskinan bandar memang agak tidak terjaga. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Bagi Skim Si Tunas sebenarnya kita tidak mengehadkan hanya di luar bandar, ianya menyeluruh kepada semua bandar yang sebagaimana telah saya terangkan. Semua kawasan ataupun daerah telah mendapat manfaatnya ya. Jadi, saya rasa sebab program ini baru dimulakan pada Julai 2012, jadi ianya masih lagi mendapat (perlu lagi) publisiti yang tinggi untuk memastikan program ini dapat manfaatnya meluas kepada seluruh rakyat Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.



**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Tuan Speaker, soalan yang kelima.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK : BAS MEWAH KEMPEN PRU**

5. Y.A.B. Dato' Menteri Besar mendakwa menyediakan bas untuk kempen Pilihan Raya Umum ke-13 secara sewa beli.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah pembelian ini melibatkan kewangan negeri?
- b) Berapakah kos sebenar pembelian dan penyelenggaraan bas tersebut?
- c) Adakah proses audit dilakukan untuk memastikan transaksi ini betul, telus dan bertanggungjawab?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, Seri Serdang menyoal tentang bas mewah kempen pilihan raya. Adakah pembelian ini melibatkan kewangan negeri? Tak ada. Ini pembelian persendirian.

Berapa kos sebenar pembelian dan penyelenggaraan bas tersebut? Kosnya ialah sebanyak RM650,000 yang dibayar secara ansuran bulanan sebanyak RM10,833 sebulan.

Adakah proses audit dilakukan untuk memastikan transaksi ini telus dan bertanggungjawab? Pembelian persendirian dan saya telah menggalakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah untuk membuat kajian dan diberikan dokumen-dokumen supaya mereka dapat melihat bagaimana tata kelola yang baik dari segi pengurusan kewangan negeri dan pengurusan kewangan persendirian.

**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Soalan tambahan Dato' Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Bas ini didaftarkan atas nama siapa?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim dan lesennya pun dibagi oleh JPJ.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, soalan nombor 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PRESTASI PELABURAN**

6. Kerajaan Negeri mendakwa pelaburan yang diterima negeri adalah yang tertinggi di Malaysia.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah nilai pelaburan yang dijangka untuk 2012 berbanding 2011 dan sektor-sektornya?
- b) Apakah masalah bekalan air Selangor bakal menjejaskan pelaburan ke Selangor?
- c) Apakah jaminan kerajaan bahawa Selangor tetap menjadi destinasi pelaburan utama berbanding wilayah koridor pembangunan negeri-negeri lain?

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Y.B. Taman Templer tanya tentang nilai pelaburan yang dijangka untuk tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 dan sektor-sektornya. Jawapannya ialah Kerajaan Negeri melalui SSIC mensasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM9-10 bilion bagi tahun 2012 berbanding sebanyak RM8 bilion yang diterima bagi tahun 2011.

Secara purata bagi tempoh tahun 2007 sehingga 2011, Selangor mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM3.766 bilion bagi tempoh tiga bulan terakhir iaitu Oktober sehingga Disember. Sebagai makluman, bagi tempoh dari Januari hingga Ogos tahun ini, Negeri Selangor telah menerima pelaburan sebanyak RM6.9 bilion yang mana kita menduduki nombor satu dari segi pelaburan, dari segi perindustrian berbanding seluruh Malaysia.

Y.B. Taman Templer juga tanya tentang masalah bekalan air yang dikatakan menjejaskan pelaburan ke Selangor. Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air di UPEN sebagai langkah untuk memantau masalah bekalan air yang dihadapi oleh pihak pelabur dan pengguna. Kerajaan Negeri Selangor juga tengah mengkaji beberapa teknologi baru termasuk teknologi *membrane* untuk mengatasi masalah bekalan air dan kami percaya masalah ini akan dapat diatasi

secara berperingkat khususnya selepas pilihan raya (selepas Pakatan Rakyat menang Selangor lagi).

Y.B. Taman Templer juga tanya tentang jaminan kerajaan Selangor bahawa Selangor tetap menjadi destinasi pelaburan utama berbanding dengan Wilayah Koridor Pembangunan di negeri-negeri lain. Jawapannya ialah Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa pendekatan yang memastikan Negeri Selangor kekal sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia. Di sini kerana langkah-langkah yang diambil itu agaknya panjang, jadi demi tidak melepasi masa yang ditetapkan jadi saya tidak akan membaca ini tapi saya hanya ingin memberitahu Taman Templer bahawa setakat ini dan dijangka pada akhir tahun ini Negeri Selangor akan menjadi nombor satu dari segi pelaburan perindustrian di seluruh Malaysia. Sekian Terima kasih.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Soalan Tambahan:

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya ingin bertanya kepada Y.B. apa ni Kinrara, EXCO boleh tak Y.B. berikan secara terperinci siapakah pelabur yang terbesar setakat ini pada tahun ini dan juga dari negara mana asalnya?. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TERASA KOK SUH SIM:** Mengikut statistik yang dibekalkan oleh MIDA, kalau kita lihat dari segi pelaburan asing, yang Switzerland merupakan pelabur asing yang melabur yang paling banyak iaitu RM 257 juta diikuti dengan Singapura, diikuti dengan Thailand, Germany, Japan, China, United Kingdom, India, Australia, Indonesia dan sebagainya. Ini adalah dari segi pelaburan asing tetapi kalau kita lihat pelaburan dari segi domestik, atau pun dalam negeri juga pelaburan asing kita mendapati satu keadaan yang istimewa bagi Negeri Selangor ialah bagi tahun ini setakat Ogos yang pelaburan tempatan melebihi pelaburan asing yang kita lihat yang jumlah pelaburan dari segi perindustrian bagi Selangor sehingga Ogos ialah RM6.9 bilion tetapi yang pelaburan asing ialah RM1.66 bilion dan pelaburan dalam negeri atau domestik ialah RM5.237 bilion. Ini menunjukkan yang pelabur tempatan mereka agak puas hati tentang suasana pelaburan dan juga dari segi cara Kerajaan Negeri membantu mereka dari segi pelaburan dan mereka tetap menambahkan lagi pelaburan mereka di Negeri Selangor. Itu sebabnya yang kita mencapai pelaburan yang paling tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain kerana adalah sumbangan daripada pelabur tempatan. Sekian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Y.B. EXCO yang bertanggungjawab tentang pelaburan ini saya ucapkan tahniah kerana telah berusaha keras untuk menarik lebih ramai pelabur ke Negeri Selangor dan mencapai nombor

satu dan saya nak tahu bagaimana oleh kerana kita dah dapat nombor satu, bagaimana unjuran dan matlamat yang dibuat oleh Y.B. untuk tahun hadapan, adakah unjuran itu ditetapkan matlamatnya. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TERASA KOK SUH SIM:** Terima kasih Sekinchan, memang kita akan sebenarnya kalau kita lihat berapa tahun yang lepas Selangor selalu nombor dualah dalam kedudukan nombor dua tetapi sekarang kita lihat kerana yang sumbangan daripada pelabur tempatan kita dah cukup mencapai nombor satu dan kita ini akan diteruskan sehingga awal tahun depan dan kalau kita lihat iklim ekonomi dan iklim pelaburan seluruh dunia kita mendapati yang ekonomi di negara-negara barat ini memang tidak begitu baik berbanding dengan di Asia Timur termasuk China, Korea, Jepun dan sebagainya. Jadi bagi kami, kami akan terus menarik SSIC akan terus menarik lebih pelaburan khususnya daripada Asia Timur, dari Jepun, Korea, China dan sebagainya untuk sebagai usaha kita untuk menarik pelaburan asing untuk masuk ke Selangor dan kalau kita lihat yang trend Selangor ini memang sumbangan daripada pelabur tempatan ini adalah agak penting bagi kita untuk mencapai statistik atau jumlah pelaburan perindustrian di Negeri Selangor. Jadi kita juga terus membantu dan juga lebih mesra dengan pelabur tempatan supaya mereka terus menambah lagi pelaburan mereka di dalam negeri kita. Selain itu kita lihat yang pelaburan dari segi perkhidmatan ataupun "*Services Industries*" adalah sangat penting bagi Selangor macam pelaburan dari segi pendidikan, perubatan, pelancongan, perumahan dan juga masuk melabur di Selangor supaya kita akan menjadikan Selangor sebagai destinasi pelaburan yang paling istimewa di seluruh Malaysia.

**TUAN SPAKER:** Sg. Pelek:

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, Soalan No. 7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : HAK MILIK INDIVIDU DI TAMAN MURNI SEPANG**

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri besar:
- a) Berapa banyak hak milik individu telah diberikan kepada pemilik?
  - b) Berapakah pemilik yang telah menjelaskan premium tanah tetapi masih belum menerima hak milik individu?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Sungai Pelek, menanyakan tentang perkembangan hak milik individu Taman Murni Sepang. Kesemua 314

permohonan pemberimilikan tanah Di Taman Murni Sepang telah diluluskan pemberimilikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Setiap permohonan dikenakan bayaran premium dan lain-lain bayaran sebanyak RM616.00. Sehingga kini sebanyak 116 telah diberikan kepada pemilik. 116 pemilik telah menjelaskan premium tetapi masih dalam tindakan pendaftaran hak milik individu di Pejabat Pendaftaran. Seramai 283 telah menjelaskan bayaran premium dan lain-lain bayaran. Bakinya 31 pemohon belum menjelaskan sepenuhnya bayaran dan berjumlah 216 setiap orang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap premis-premis yang masih belum menjelaskan premium apa yang disebut oleh Y.A.B tadi. 31 premis masih belum menjelaskan premium itu?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sangat berminat jika mereka tak nak tanah ini, Kerajaan Negeri boleh mengambilnya. Jadi kedua Kerajaan Negeri akan berjumpa dengan mereka untuk bertanya, mengapa mereka tidak membayar premium tersebut. Kalau ada atas alasan kemiskinan, dan Kerajaan negeri akan berusaha untuk menolong mereka menyelesaikan bayaran tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya yang ke 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : PEMBERIAN AIR PERCUMA KEPADA RUMAH PANGSA KOS RENDAH MELALUI SISTEM KUPON**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak unit rumah kos rendah yang telah menerima bekalan air 20 meter padu pertama yang percuma sehingga hari ini. Sila beri data mengikut pecahan PBT.
- b) Berapa banyak lagi yang belum menikmati manfaat program ini dan apakah sebab-sebabnya?
- c) Adakah program yang sama akan diperluaskan kepada rumah-rumah pangsa kos sederhana?

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, saya akan menjawab soalan ini bersama dengan soalan No. 73 Sungai Pelek, 169 Balakong, 118 Teluk Datok , 191 Morib, 221 Gombak Setia, 137 Sungai Pelek dan 201 Lembah Jaya. Untuk menjawab soalannya adalah sekarang ini untuk yang mendapat kupon air sebanyak 77,378 unit rumah kos rendah yang telah mendapat kupon air dan dari segi pecahannya adalah pada Majlis Bandaraya Shah Alam 33 kawasan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya 20 kawasan, Majlis Perbandaran Subang Jaya 22 kawasan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya 49 kawasan, Malis Perbandaran Klang 51 kawasan, Majlis Perbandaran Selayang 18 kawasan, Majlis Perbandaran Kajang 18 kawasan, Majlis Perbandaran Sepang 1 kawasan, Majlis Daerah Hulu Selangor 1 kawasan dan juga Majlis Daerah Kuala Langat 3 kawasan dan untuk makluman Y.B - Y.B. sekalian, bahawa selain dari kupon air, yang telah memberi air kepada 77, 378 unit pangsapuri kos rendah terdapat juga mereka yang telah mendapat air melalui “program lapor dan dapat” iaitu 57,947 unit melalui migrasi daripada meter pukal kepada meter individu sebanyak 25,028.24 unit dan kalau ditambah dengan meter pukal sedia ada sebanyak 3,621 unit bermakna jumlah penduduk rumah kos rendah yang telah mendapat air percuma adalah sebanyak 163,970 unit iaitu lebih daripada 92%. Baki yang tidak mendapat air percuma adalah sebanyak 3,500 unit iaitu merangkumi 14 kawasan. Penambah baikkan apa yang cuba dilakukan atau tengah dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk mempercepatkan proses migrasi ini adalah dengan kita mengadakan perbincangan dengan pihak SYABAS telah ditubuhkan satu “*task force*” iaitu PERMAI iaitu penyelesaian migrasi meter air individu di mana pihak Kerajaan Negeri bersama dengan SYABAS berusaha memastikan bahawa migrasi dapat dilakukan dengan secepat mungkin selain daripada itu sekiranya terdapat pertelingkahan telah diwujudkan satu jawatankuasa prihatin untuk semua pihak terutamanya SYABAS untuk penduduk untuk berbincang supaya migrasi dapat dilakukan dengan secepat mungkin. Selain daripada itu kepada soalan sama ada perkara ini akan dilebarkan kepada rumah-rumah kos sederhana rendah ataupun kos sederhana, bukan kos rendah apa yang telah dilakukan adalah Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melebarkan program lapor dan dapat ini kepada rumah-rumah kos sederhana dengan syarat bahawa mereka melakukan migrasi dalam masa 3 bulan daripada program lapor dan ini dilaksanakan.

Y.B.-Y.B. sekalian, berkenaan tuntutan mahkamah daripada penduduk-penduduk Kerajaan Negeri menyerahkan ianya kepada pihak Mahkamah untuk menentukan tetapi Kerajaan negeri berhak untuk melihat adakah tuntutan itu sah ataupun tuntutan itu wajar atau tidak pada pandangan Kerajaan Negeri segala-gala telah dilakukan untuk memastikan penduduk rumah kos sederhana rendah dan kos rendah mendapat air percuma. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker Soalan No. 9

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : KADAR JENAYAH DI NEGERI SELANGOR**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar
- a) Senaraikan indeks jenayah (mengikut kategori) mengikut setiap daerah di Selangor bagi tahun 2007 – 2012.
  - b) Apakah mekanisme yang diadakan di antara Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau dan mengurangkan kadar jenayah di Selangor?
  - c) Apakah perancangan dan strategi Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan keselamatan penduduk Selangor adalah terjaga memandangkan banyak aduan diterima daripada penduduk yang menyatakan mereka rasa tidak selamat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Rawang. Tuan Speaker, bertanya tentang kadar jenayah di negeri ini di Selangor. Ia memerlukan statistik indeks jenayah mengikut setiap daerah di Selangor bagi tahun 2007 dan 2011. Sukacita dimaklumkan bahawa kita telah menerima indeks jenayah daerah yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Negeri atau pun Ketua Polis Selangor dan saya akan hantar untuk pengetahuan Yang Berhormat Rawang. Dan apakah mekanisme yang diadakan di antara Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Negeri Selangor bagi memantau dan mengurangkan kadar jenayah di negeri Selangor. Saya rasa perhubungannya masih lembap dan walau bagaimana pun tanggung jawab Kerajaan Negeri untuk menentukan bahawa keadaan jenayah di Negeri Selangor dapat di kurangkan dan diperbaiki pemantauannya dan Kerajaan Negeri berpendapat kita mesti menggunakan keupayaan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengadakan juga usaha untuk dipanggil pasukan polis yang terhad untuk bersama-sama memberikan usaha menunjukkan bahawa kawasan-kawasan yang dironda itu sentiasa mendapat rondaan. Walau bagaimana pun Kerajaan Negeri di pihak polis di antara lain telah membuat beberapa inisiatif. Antaranya secara ringkas operasi *policing*, rondaan berkereta, komuniti *policing*, sektor *score card*, Selangor *face book*, *my distress* rakan cop kesemua ini telah digunakan tapi saya rasa penglibatan rakyat dan penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan perlu di peringkatkan untuk mengatasi masalah kadar jenayah yang sentiasa meningkat.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk memberikan khas kepada pihak PBT yang telah mempunyai Jawatan Kuasa Keselamatan Bandar Selamat sebenarnya yang mana geran ini boleh digunakan oleh pihak-pihak NGO atau pun Persatuan Penduduk yang juga berusaha untuk menjaga keselamatan, keadaan keselamatan di komuniti mereka sendiri.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker perkara ini telah mula kita bincangkan tetapi kita juga tidak hendak mengambil tugas pihak polis dalam usaha untuk memantau dan menyelia keadaan yang terbaik untuk mengelakkan berlakunya jenayah. Saya rasa perkara ini adalah dalam perhatian kita peruntukan-peruntukan kewangan akan kita salurkan kepada PBT untuk menyediakan *ancillary* polis dan juga menyediakan dana untuk usaha sama persatuan-persatuan perumahan untuk membuat apa yang dipanggil komuniti *policing*.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker Soalan No. 10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: RM 2 JUTA UNTUK PENULISAN DAN KARYA SASTERA**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kerajaan negeri dalam memperkasakan penghasil karya sastera di negeri Selangor?
- b) Siapakah individu/persatuan yang telah menerima bantuan ini dan berapakah jumlahnya bagi setiap penerima?
- c) Sekiranya peruntukan RM2 juta ini masih belum diagihkan, apakah perancangan selanjutnya?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat telah menyediakan peruntukan sejumlah RM3 juta bukannya RM2 juta sebagaimana yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat ADUN Hulu Kelang. Melalui Geran Selangorku memberi peluang kepada



pencipta dan penggiat seni budaya di dalam berbagai bidang untuk membangunkan dan mengembangkan bakat seni mereka. Pada September 2012 yang lalu Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Yang Berbahagia Dato' A. Samad Said sebagai Sasterawan Tamu Negeri Selangor bagi mengiktiraf hasil karya seni beliau sepanjang penglibatannya dalam bidang sastera. Melalui pengiktirafan ini Kerajaan Negeri Selangor merangka satu garis panduan dan skim kepada beliau untuk membantu Kerajaan Negeri melahirkan serta memperkasakan hasil karya seni sastera daripada kalangan pelajar-pelajar IPT, pencipta sastera dan karyawan-karyawan muda yang mempunyai bakat dalam bidang sastera. Dengan pelantikan ini Kerajaan Negeri dapat memanfaatkan kepakaran beliau dalam merangka dasar dalam memperkasakan hasil karya sastera di Negeri Selangor. Dengan dasar yang jelas ini dapat menghasilkan seni karya sastera yang bebas melalui aktiviti-aktiviti seni dalam memupuk kecintaan terhadap sastera. Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam Geran Selangorku, Menteri Besar Incorporation (MBI) akan mengenal pasti dan mempertimbangkan setiap badan bukan kerajaan ataupun NGO yang layak menerima bantuan peruntukan ini berdasarkan kepada permohonan yang dikemukakan serta kesan jangka panjang terhadap seni budaya yang dilaksanakan. Sehingga November 2012 sejumlah RM1091,930.00 telah disalurkan kepada enam buah persatuan NGO termasuk NGO dalam bidang sastera bagi membantu mereka melaksanakan program-program pengukuhan seni warisan kebudayaan di samping membantu mereka untuk terus membangunkan aktiviti-aktiviti kebudayaan di Negeri Selangor ini. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Kebudayaan juga telah membuat perancangan dan membangunkan dan menaikkan taraf beberapa lokasi di daerah untuk diangkat sebagai Laman Budaya Daerah. Laman Budaya Daerah ini adalah untuk memberi ruang kepada penggiat seni mengadakan persembahan seterusnya ianya dapat memberikan pendedahan asas kepada masyarakat mengenai seni budaya dalam menyemarakkan warisan seni budaya di Negeri Selangor. Cadangan dan perancangan ini akan dikemukakan kepada MBI sebagai badan yang bertanggungjawab untuk diperhalusi dan di kaji mengikut kesesuaiannya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dalam sebuah majlis yang menghimpunkan penulis dan karyawan sastera, Dato' Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan RM2 juta di Shah Alam. Soalan saya adakah peruntukkan ini telah dinaikkan kepada RM3 juta dalam Geran Selangorku.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Pelan ini yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri ia di dalam Geran Selangorku ialah RM3 juta dan saya kita juga mengenal pasti bahawa hasil karya-hasil karya penulisan kepada mereka-mereka yang berminat dalam menghasilkan karya penulisan ini juga dapat diberi perimbangan apabila mereka mengajukan permohonan-permohonan melalui Geran Selangorku yang mana di mana saya maklumkan tadi, permohonan-permohonan ini dan perancangan itu akan disalurkan kepada MBI melalui peruntukan Geran Selangorku untuk kita kaji dan kita luluskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mengadakan hadiah sastera Selangor dengan menilai karya-karya yang dihasilkan oleh penulis-penulis Selangor ataupun mengadakan pertandingan-pertandingan penulisan dan ada cadangan untuk meraikan dua orang Sasterawan Negara dari Negeri Selangor tapi setakat ini belum terlaksana. Bilakah jangkakan keraian ini diadakan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Bangi. Berkaitan dengan keraian untuk meraikan dua orang sasterawan negara yang kebetulan berasal dari Selangor dan dua tahun berturut-turut. Kerajaan Negeri telah meluluskan satu kertas kerja Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor cuma pada masa ini kita masih lagi menunggu daripada istana kerana kita mengharapkan DYMM Sultan Selangor akan bersama-sama untuk merasmikan keraian tersebut dan memberikan pengiktirafan kepada sasterawan-sasterawan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih. Kajang ingin bertanya berkaitan dengan ahli panel. Adakah satu panel penilaian untuk sastera untuk pembelian hadiah sastera dan juga siapakah mereka dalam ahli panel ini dan juga adakah ia terhad kepada sesuatu bahan atau bahasa atau pun ia terbuka kepada pelbagai bahasa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih daripada Kajang sebab itu saya katakan tadi berkaitan dengan program-program untuk kita memberi pengiktirafan kepada karyawan-karyawan yang berminat dalam karya sastera seni ini kerana saya telah maklumkan kita telah melantik Y.Bhg Dato' A. Samad Said sebagai Sasterawan Tamu dan kita akan merangka apakah program-program yang kita boleh lakukan sebagai satu dasar kepada Negeri Selangor itu supaya akhirnya kita dapat memberikan pengiktirafan-pengiktirafan kepada penggiat-penggiat seni ini. Setakat ini kita masih

belum lagi mempunyai satu dasar atau *blue print* yang tertentu untuk tujuan memartabatkan karya-karya sasterawan itu sendiri. Insya-Allah saya kira melalui Geran SelangorKu ini adalah program geran yang berterusan kalau 3 juta di peruntukkan insya-Allah pada tahun hadapan juga kita akan meneruskan program-program dan merangka supaya dan akhirnya kita dapat memberi pengiktirafan kepada sasterawan-sasterawan kita atau penggiat-penggiat karya atau sastera di negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker Soalan No. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SUBANG JAYA)**

**TAJUK: LAWATAN SAMBIL BELAJAR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah lawatan sambil belajar ke luar Negara yang telah diadakan mengikut PBT sejak tahun 2008?
- b) Berapakah kos yang telah dibelanjakan mengikut anggota? Berikan butir-butir.
- c) Apakah manfaat yang telah di perolehi oleh PBT sejak lawatan tersebut.

**Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker. Soalan Subang Jaya adalah berkaitan dengan lawatan sambil belajar. Subang Jaya ingin nak tahu berapakah belanja lawatan sambil belajar ke luar Negara yang telah diadakan mengikut PBT sejak tahun 2008. Tuan Speaker, sejak tahun 2008 bilangan lawatan sambil belajar ke luar Negara yang telah diadakan mengikut PBT adalah seperti berikut:

MBSA 2008 2 kali, 2011 7kali, 2012 12 kali. Bagi MBPJ 2008 5 kali, 2009 5 kali 2010 6 kali, 2011 8 kali dan 2012 18 kali. MPK iaitu Klang. 2008 4 kali dan MPAJ 2010 satu kali, 2012 2 kali. Bagi MPSJ 2 kali dalam tahun 2008, 2009 3 kali, 2010 3 kali, 2011 8 kali dan 2012 8 kali. Untuk MPS 2011 satu kali dan 2012 dua kali. Bagi MPKj hanya di 2011 satu kali. Untuk MP Sepang dua kali pada tahun 2008, 3 kali 2010, dan satu kali 2011. Bagi MDKS iaitu Kuala Selangor, dua kali dalam tahun 2008, 2010 3 kali 2012 2 kali. Di PBT yang lain tiada lawatan sambil belajar. Perincian lawatan mengenai maklumat lawatan sambil belajar ke luar Negara dapat dirujuk ke lampiran A kerana lampiran A ini sangat- sangat panjang ini akan diedarkan kepada Yang

Berhormat. Maklumat yang disertakan adalah terdiri daripada lawatan yang dianjurkan oleh PBT sendiri serta lawatan yang disertai oleh PBT yang di anjurkan oleh pihak lain. Jumlah kos, Subang Jaya ingin nak tahu jumlah kos yang telah dibelanjakan mengikut tahun oleh PBT dan jawapannya adalah seperti berikut:

Untuk MBSA pada tahun 2008 ialah 23,245.00 sahaja. Tahun 2011 hanya RM85,196.00 untuk tahun ini 2012 RM171,099.00. Untuk MBPJ 2008 membelanjakan RM51,720.00. 2009 hanya RM72,601. Bagi 2010 RM99,898.00 untuk 2001 RM90,902 dan bagi tahun ini RM572,662.00. Jadi nampaknya belanja yang dibelanjakan oleh PBT yang masing-masing nampaknya munasabah. Dan lawatan sambil belajar yang dianjurkan atau disertai oleh PBT telah memberikan banyak manfaat dalam menambah baik serta meningkatkan sistem penyampaian dan juga prestasi PBT demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Jadi penyertaan sesuatu persidangan atau seminar di peringkat antara bangsa oleh PBT merupakan satu platform untuk mendedahkan pendedahan kepada pendekatan-pendekatan yang baru oleh pakar-pakar luar Negara dan perkongsian ilmu seperti ini telah membuka pengetahuan dan pengalaman baru oleh para perwakilan PBT untuk mempelajari ilmu-ilmu yang baru untuk dijadikan rujukan di PBT masing-masing.

Tuan Speaker, inisiatif seperti ini telah menyuntik semangat dan idea-idea baru kepada para perwakilan PBT untuk mengoptimumkan sumber-sumber yang ada bagi mengujudkan persekitaran yang kondusif dalam memastikan pembangunan mampan di kecap. Di samping itu juga lawatan sambil belajar ini telah mengujudkan perkongsian maklumat dan teknologi dalam usaha mendukung aspirasi kerajaan Negeri hasil lawatan dari lawatan ini telah digunakan untuk membantu dalam merangka proses penambahbaikan sistem penyampaian yang bertepatan dan teknikal untuk diguna pakai di PBT di seluruh Selangor. Dan Tuan Speaker, lawatan-lawatan ke luar negeri akan membawa kesan yang baik dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang. Satu-satunya ialah perhubungan di antara Bandar kita dengan Bandar lain di luar negeri. Setakat ini Kelang telah menjadi Bandar persahabatan dengan Bandaraya Xianmen, Lee Hu dan lain-lain. Tak lama lagi PJ akan ada menjadi Bandar persahabatan dengan Bandaraya Guangzhou. Tak lama lagi. Jadi hari ini.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat sudah lebih banyak masa ni, ya..keluar daripada soalan dah,

**Y.B.. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW:** Ok, akhir rombongan dari Xianmen melawat dewan pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Sementa.

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL:** Tuan Speaker, soalan ke 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HJ ABD. RAHMAN BIN HJ PALIL  
(SEMENTA)**

**TAJUK : AJARAN SESAT**

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah ajaran sesat yang telah diambil tindakan sekarang?
- b) Apakah bentuk pemantauan yang dilakukan untuk mengelakkan merebaknya ajaran sesat berleluasa? Dan nyatakan bagaimana pemantauan yang dilakukan untuk membendung fahaman Syiah di Selangor berleluasa?
- c) Berapakah jumlah kes jenayah Syiah di Negeri Selangor mengikut Daerah untuk tahun 2011/2012?

**Y.A.B.. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Sementa memberikan soalan mengenai ajaran sesat bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar mengenai berapa jumlah ajaran sesat yang telah diambil tindakan sekarang.

Sepanjang 2011 sehingga kini tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Tindakan bagi kes melanggar fatwa, di bawah seksyen 12(C) Enakmen Kanun Jenayah syariah Negeri Selangor No. 9 Tahun 1995 sebanyak 11 kes. Tindakan bagi kes doktrin palsu atau dakwaan palsu adalah sebanyak 18 kes.
2. Adakah? bentuk pemantauan dilakukan untuk mengelakkan merebaknya ajaran sesat berleluasa? Dan nyatakan bagaimana pemantauan yang dilakukan untuk membendung fahaman Syiah di Selangor berleluasa?
  1. Satu jawatankuasa khas menangani ajaran sesat telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah JAIS bagi mengambil tindakan terhadap dua (2) kumpulan ajaran sesat yang besar iaitu Al Arqam dan Syiah, Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada ketua-ketua unit penguatkuasaan agama daerah yang akan memantau bentuk pengajaran, pengamalan atau penyebaran serta menerbitkan dalam apa-apa bentuk versi atau verviasi ataupun apa-apa pun bahan publisiti bagi tujuan penyebaran ajaran ataupun fahaman Syiah dan Al-Arqam, selain daripada dua (2) ajaran ini Jawatankuasa juga memantau bagi kesalahan menyebarkan

doktren-doktren dakwaan palsu oleh kumpulan ajaran sesat yang belum difatwakan oleh Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

3. Berapakah jumlah kes jenayah Syiah di Negeri Selangor mengikut Daerah untuk tahun 2011/2012?

Jumlah kes jenayah Syiah satu daerah sahaja iaitu Gombak, sebanyak dua (2) kes di bawah Seksyen 12 (C) Enakmen Jenayah syariah Negeri Selangor No. 9 Tahun 1995 iaitu kes melanggar Fatwa.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Tanjong Sepat.

**Y.B.. DATO' DR. ABD. KARIM BIN MANSOR :** Soalan tambahan, di Kuala Langat, di spesifiknya di Kampung Indah terdapat satu kumpulan ajaran sesat yang bukan daripada Arqam ataupun Syiah yang mana sekarang masih aktif dan secara fizikalnya mereka membina bangunan-bangunan yang baru dan makin membesar, Apakah tindakan Kerajaan Negeri yang akan diambil untuk memantau ajaran sesat ini, terima kasih.

**Y.A.B.. DATO' MENTERI BESAR:** Yang Berhormat Tanjong Sepat, menanyakan tentang usaha yang dilakukan untuk membendung ajaran-ajaran sesat.

Pertama, ada dua (2) Ketua yang kita tugaskan untuk memantau, satu adalah Pegawai Agama Daerah, kedua ialah kita juga telah meminta usaha sama apa yang kita panggil sebagai Orang Besar Daerah (OBD) untuk memantaunya dan saya tidak hendak menyebut sama ada perkara akan dilakukan sebab untuk menyelesaikan masalah ini ia tidak boleh di adakan satu perbincangan besaran, jadi maknanya dia akan tidak dapat menyelesaikan masalah ini tetapi dari segi pemantauan ada dibuat ada kalanya kita juga meletakkan orang-orang yang kita minta supaya bersama-sama dalam kumpulan tersebut untuk memantau sejauh mana pergerakan mereka.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Soalan tambahan Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat tentang ajaran sesat ini saya dapati, agaknya kita dalam banyak hal ada kelewatan sedikit mengambil tindakan-tindakan yang wajar seperti amalan sesat Juru Zon misalnya yang Pak Su di Hulu Langat itu, sehingga telah digambarkan mereka telah berpindah tetapi ahli-ahlinya berkeliaran di sana dan ditakuti ajaran itu tersebar di kalangan rakyat oleh ahli-ahlinya.

Yang Kedua, baru-baru ini telah timbul satu ajaran lagi satu pendapat yang dikatakan itu merupakan murtad, dan boleh menyelewengkan akidah dan diminta yang mengeluarkan pendapat itu bertaubat, iaitu pendapat yang mengatakan bahawa "**LA**

**IKROHA FIDDIN'** - kebebasan untuk memilih agama itu bukan sahaja terpakai kepada orang Islam tetapi juga terpakai kepada orang bukan Islam] Apakah? Tindakan yang diambil untuk kita tidak terpesong akidah daripada saranan yang sedemikian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, Yang Berhormat Gombak ingin memberikan pandangan bagaimana JAIS dapat menyelesaikan perkara-perkara ini. Perkara pertama yang dibangkitkan tentang kumpulan-kumpulan di Hulu Langat tersebut, kumpulan itu sudah berada di kawasan itu lebih daripada 1 dekad, jadi maknanya kumpulan itu sudah saya tak tahu masa bilakah? hanya kita tahu bahawa kumpulan itu melakukan perkara yang tidak selari dengan apa yang sepatutnya berlaku, hanya apabila tanah runtuh sahaja baru kita dalam keadaan tersebut, jadi banyak lagi perkara, pelajaran yang kita perlu pelajari daripada perkara tersebut, saya memandangi perkara ini seperti soalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak, saya memandangi perkara ini kita kena lakukan dengan cara yang lebih bijaksana, saya rasa kita perlu bukan sahaja menentukan semua umat Islam ini melakukan tugas-tugasnya tetapi kita menambah nilai menarik rakyat Islam kita ini bersama-sama memahaminya, jadi bukan kita adakan satu pertandingan pendapat, pertandingan pendapat itu boleh kita lakukan tetapi akhirnya apakah? tujuannya, tujuannya ialah supaya ummah ini dapat disatukan dalam usaha meneruskan usaha mengembangkan syariat Islam. Saya rasa perkara ini kita perlu melihat modus operandi kita dengan lebih terbaik sebab 20 tahun kita sudah lakukan perkara ini, saya adakan beberapa perbincangan dengan Pegawai JAIS dan juga beberapa orang kenalan saya di JAKIM, kita modus operandi kita ni is *Challenging* maknanya *challenge*, mengapa kita tidak adakan satu operasi yang lebih yang dikatakan *more* dia dipanggil *working together* itu yang saya sendiri ingin menyatakan, saya sendiri pun bukanlah pakar dalam usaha ini, tetapi saya berminat untuk melihat bagaimana cara terbaharu yang boleh kita masukkan supaya umat Islam kita ini boleh merasakan dia menjadi kumpulan besar umat Islam jadi itu yang saya rasakan saya tahu Yang Berhormat Gombak bekerja kuat untuk perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia..

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Gombak Setia, ok. Terima kasih. [ketawa.....] tapi jawapan yang saya dapati sekarang keadaan dunia Islam sendiri telah cara yang kita lakukan ini tidak merangkumkan kita menjadi satu kesatuan yang lebih mantap.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD :** Tuan Speaker, soalan no. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD**

## (SUNGAI AIR TAWAR)

### TAJUK: PAMPASAN PENYAKIT POKOK PISANG

13. Kerajaan Negeri ada berjanji untuk memberikan pampasan kepada petani yang terjejas akibat serangan virus penyakit 'moko' yang menyebabkan kematian besar-besaran pokok tanaman pisang khasnya di kawasan DUN Sungai Air Tawar.

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pemberian pampasan tersebut?
- b) Berapakah pampasan untuk setiap petani dan jumlah keseluruhannya?
- c) Apakah inisiatif lain kerajaan negeri untuk membantu mereka yang terjejas?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, terima kasih kepada soalan Sungai Air Tawar yang berkaitan dengan pampasan penyakit pokok pisang di kawasan Sabak Bernam dan kawasan lain, *Moko disease*. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1.6 juta bagi membantu penanam-penanam pisang di Negeri Selangor yang mengalami kerugian akibat serangan Penyakit *Moko*. Bantuan bukan dalam bentuk pampasan, tetapi kawasan-kawasan yang terjejas dibekalkan dengan racun untuk tujuan kawalan dan pemusnahan pokok-pokok pisang yang telah diserang. Kini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian dalam usaha mengagihkan input-input tersebut kepada petani-petani yang terlibat. Seterusnya bantuan pembekalan input bagi kawalan dan pembendungan penyakit melibatkan peruntukan sebanyak RM360,000.00 merangkumi bilangan peserta-peserta di seluruh Negeri Selangor.

Soalan ketiga (3) Kerajaan negeri menawarkan bantuan peruntukkan kepada penanam-penanam pisang yang terjejas untuk memulakan projek tanaman yang baru, selain dari tanaman pisang. Ini berikutan kawasan-kawasan yang telah diserang, perlu direhatkan dari menanam tanaman pisang sekurang-kurangnya dua tahun, bagi mengelakkan serangan merebak semula. Sebanyak RM800,000.00 peruntukkan untuk menanam pisang untuk idea lain telah disediakan dan bagi mengelakkan mereka hilang punca pendapatan.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ya, sila Sungai Air Tawar.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah? Y.B. sedar janji untuk membekalkan bantuan ini dah diumumkan sejak beberapa bulan yang lepas, lima (5), enam (6) bulan macam tulah, tapi sampai



sekarang pun masih dalam usaha lagi, kesian kepada petani-petani, jangan sampai dah habis tempoh pun nanti bantuan tak sampai-sampai juga lagi, dari jawapan yang Y.B. sebut tadi saya dengar dan saya beranggapan peruntukkan yang disebut tadi, macam kosong lagilah..

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Untuk makluman, proses tender telah pun dilaksanakan, kerja-kerja telah pun dimulakan jadi saya rasa Sungai Tawar kena menyemak, cuma untuk gantian aktiviti ada petani yang belum mengemukakan cadangan program pertanian yang baru yang mereka kehendaki. Ya Bangi....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya, Bangi ingin mengetahui istilah 'Moko' ini istilah jawa atau saintifik kemudian apakah? kriteria penyakit *Moko* ini dan apa cara jalan mengatasinya dan apakah? Sekarang sudah dapat diatasi atau masih merebak.

**Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD :** Penyakit *Moko* ini adalah saintifik tidak ada kena mengena dengan jawa atau apa-apa suka pun, setakat ini kajian-kajian mendapati bahawa *Moko disease* tidak dapat untuk diatasi kerana kawasan yang berair serangan di peringkat akar, jadi cara yang terbaik ialah kena musnahkan pokok pisang tersebut dan rehatkan, serangan yang banyak ialah untuk pokok pisang nipah, sebab pisang nipah ini usianya sudah melewati 5 tahun ke 10 tahun, sebaiknya dalam pertanian ini adalah istilah *crop protection* supaya musuh-musuh untuk pertanian untuk sejenis *crop* yang lain berbeza dengan *crop* yang lain, kalau berlaku penggiliran tanaman musuh-musuh tanaman dapat dikawal, dan untuk pisang tanduk ataupun pisang berangan tiada serangan *Moko disease* tetapi banyak serangan adalah pisang nipah dan sebahagian besarnya adalah kawasan Sabak Bernam.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. TUAN WONG KHOON MUN:** Tuan Speaker, soalan 14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PARAS AIR EMPANGAN**

14. Paras air Empangan Sungai Selangor, Kuala Kubu Baharu menurun ketara sehingga menimbul kebimbangan rakyat

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah paras empangan air tersebut sekarang dan paras normalnya termasuk empangan-empangan air lain?
- b) Apakah penjelasan kerajaan terhadap penurunan paras empangan ini?
- c) Apakah langkah kerajaan negeri untuk memastikan simpanan air mentah negeri sentiasa mencukupi?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Empangan Sungai Selangor adalah sebuah empangan kawalan, *regulating dam* yang mampu menampung kapasiti air sebanyak 230 juta meter padu dengan ketinggian air maksima 220 meter. Jumlah kapasiti kritikal Empangan Sungai Selangor adalah pada tahap 30% iaitu sebanyak 95 juta meter padu pada ketinggian air 184.63 meter. Empangan ini membekalkan air untuk dirawat di 3 loji pembersihan air loji utama iaitu LPA Sungai Selangor Fasa 1, LPA Sungai Selangor Fasa 2 SSP2, LPA Bukit Badong SSP3, LPA Rasa dan LPA Rantau Panjang juga menerima bekalan air untuk dirawat dari empangan ini. Empangan Sungai Selangor menyumbangkan 60% bekalan air ke sekitar Lembah Klang. Sehingga 9 November 2012, kapasiti Empangan Sungai Selangor telah meningkat kepada taraf 63.78 % iaitu sebanyak 146.70 juta meter padu dengan ketinggian paras air pada 205.37 meter. Peningkatan ini adalah berbanding dengan kapasiti 11 Oktober 2012 di tahap 52.02 % iaitu sebanyak 119.65 juta meter padu pada ketinggian air 199.3 meter. Penyusutan pada ketika itu adalah keadaan operasi dan paras biasa empangan pada musim kering. Monsun Barat Daya, iaitu pada bulan Mei sehingga September di mana jumlah pelepasan air di empangan adalah tertinggi daripada biasa untuk memenuhi permintaan LPA. Kawasan tadahan empangan akan mula menerima tadah hujan yang tinggi bermula dari bulan November sehingga Mac di mana perubahan Monsun Barat Daya kepada Monsun Timur Laut akan berlaku. Kapasiti empangan akan kembali penuh 100% pada bulan April 2013. Paras air bagi 7 empangan Negeri Selangor sehingga 9 November 2012 ialah seperti berikut :-

Empangan Sungai Selangor - 200 pada paras pada 9 November ya semua ini ialah 205.37 meter, maksimumnya 220 meter.

Empangan Sungai Tinggi 56.56 meter paras maksima dia 59.50 meter.

Empangan Sungai Langat 221.09 meter, maksimumnya 220 meter.

Empangan Klang Gate 95.61 meter, paras maksimumnya ialah 95.22 meter.

Empangan Tasik Subang 38.70 meter, paras maksimumnya 38.56 meter.

Empangan Batu 104.18 meter, maksimumnya ialah 102.70 meter.

Empangan Semenyih 111.07 meter, maksima dia ialah 111 meter.

Penurunan paras air empangan bagi tahun 2012 adalah pada taraf normal di mana pelepasan air untuk keperluan LPA adalah tinggi. Berdasarkan rekod LUAS, paras air terendah pada tahun 2012 bagi Empangan Sungai Selangor adalah pada 10 Oktober di mana paras air yang dicatatkan adalah pada paras 199.30 meter. Manakala pada paras air yang paling rendah direkodkan adalah pada 29 September 2005 pada paras 190.29 meter. Walau bagaimanapun paras air empangan terendah yang direkodkan tersebut masih lagi di atas paras kritikal iaitu 184.63 meter dengan simpanan air sebanyak 30%. Melalui pasukan petugas sumber air alternatif Negeri Selangor, LUAS telah mengenal pasti sebanyak 20 kolam tadahan sama ada kolam takungan banjir ataupun kolam bekas lombong yang berpotensi untuk dijadikan sumber air tambahan di Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat. Kolam-kolam berkenaan adalah merupakan rizab simpanan air mentah yang boleh dibangunkan sebagai air sumber penambahan tertakluk kepada kualiti airnya. Jumlah anggaran kapasiti kolam-kolam tersebut ialah 325 juta meter padu. LUAS juga sedang menjalankan kajian kolam bekas logam sebagai kolam takungan aliran air banjir di Lembah Sungai Selangor yang akan bertindak secara di fungsi di mana ianya bertindak sebagai kawalan banjir dan juga kolam penstrukturan air ketika berlaku aliran banjir *flood flow*. Kolam penstrukturan air ini juga akan digunakan jika berlaku aliran rendah *low flow*. LUAS juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai sumber air tambahan seperti kolam projek tambahan banjir Sungai Rasau di Lembah Klang dan juga kolam bekas lombong MC 8 dan MC 9 di Lembangan Langat. Walau bagaimanapun kajian kemungkinannya yang terperinci akan dilaksanakan bagi memastikan kebolehdapatan sumber air berkenaan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Teluk Datok.

**Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE:** Tuan Speaker, soalan 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE  
(TELUK DATOK)**

**TAJUK: DEMAM DENGGI**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan kes demam denggi yang telah dilaporkan dan kes yang membawa maut bagi tahun 2012 untuk seluruh Negeri Selangor mengikut DUN.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker. Kejadian demam denggi di Selangor 2012 sehingga 3.11.2012 ialah berikut:-

Daerah Klang kes denggi ialah 2,014 kematian 4

Petaling kes denggi ialah 2,149 kematian 3

Hulu Langat 1,844 kes kematian 3

Gombak 796 kes, kematian 1

Hulu Selangor 228 kes tidak kematian

Kuala Langat 164 kematian 1

Sepang 147 tidak kematian

Kuala Selangor 216 tidak kematian

Sabak Bernam 97 tidak kematian

Keseluruhan Negeri Selangor sampai 3 November 2012 ialah 7,655 kes, kematian ialah 12.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ia, baik Tanjung Sepat.

**Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR:** Soalan tambahan. Mengikut laporan yang diberi terdapat kejadian denggi berdarah. Jadi saya cuma hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai kejadian-kejadian demam denggi yang ada di Selangor ini. Mengikut kajiannya, dia punya *stereotype* dia, daripada *stereotype* apa sama ada denggi 1, 2, 3 atau 4 kerana ini mungkin memungkinan untuk kita membuat pencegahan kerana kalau denggi jenis yang lain akan menyerang, dia akan menyebabkan kes demam denggi berdarah yang lebih teruk. Jadi cuma saya hendak tahu apakah denggi *stereotype* apakah yang berlaku di masa yang lepas dan denggi jenis apa yang berlaku di masa sekarang ini, yang *in the next* sekarang ini? Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Pejabat Kesihatan Negeri dan juga khususnya Hospital Selayang kita dapatkan kes-kes denggi yang keseluruhannya banyak sekali ialah kes denggi yang katakan yang selalu kita dapat biasa. Tetapi denggi *hemoradge fever* yang selain itu dapatkan kematian ramailah dari denggi *hemorrhage fever*. Tetapi kajian-kajian sekarang dilakukan dan kita telah pun siap sedia semua hospital-hospital besar di dalam daerah-daerah masing-masing untuk hadapi kes-kes denggi dan kalau adalah mana-mana kita nampak kes-kes denggi yang terlalu yang luar biasa dari apa-

apa kes yang akan didapati, siasatan-siasatan ini akan dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan juga kerjasama dengan Kementerian Kesihatan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan No.17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK: GELANGGANG SUKAN ANAK MUDA**

17. Kerajaan Negeri Selangor membina gelanggang sukan untuk anak muda beriadah

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini, berapakah bilangan gelanggang sukan yang telah dibina?
- b) Apakah syarat-syarat diperlukan untuk mendirikan gelanggang sukan ini?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan?

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Bangi. Tuan Speaker. Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk membina gelanggang serba guna dan juga dataran anak muda. Satu gelanggang serba guna dan dataran anak muda di setiap Dewan Negeri di seluruh Negeri Selangor. Setakat ini kita telah menerima sejumlah 47 permohonan daripada ADN-ADN dan juga daripada Dewan Undangan, setiap Dewan Undangan Negeri. Dan kita telah membina siap 100% sejumlah 20 gelanggang serba guna dan bakinya masih lagi di dalam proses pembinaan ataupun sebut harga ataupun *award* ataupun pemberian kepada syarikat-syarikat yang berjaya. Dan sebanyak 6 tempat ataupun 6 kawasan Dewan Negeri dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang kita tetapkan. Antaranya adalah kerana tanah yang tidak mencukupi keluasan ada sebahagiannya permohonan itu diletakkan di rizab-rizab jalan sungai dan sebagainya. Ini antara beberapa syarat-syarat yang saya kira sepatutnya dipenuhi dan kita telah memberikan cadangan-cadangan kepada ADN-ADN atau Penyelaras ADN di semua ADN-ADN untuk memberikan cadangan kawasan-kawasan yang mereka cadangkan untuk pembinaan ini dan perlu mendapat perakuan oleh Pejabat Tanah kerana kita mahukan memastikan bahawa tanah yang akan kita dirikan kemudahan ini adalah tanah milik kerajaan dan perlu mendapat sokongan daripada PBT-PBT supaya ia tidak menjadi permasalahan di kemudian hari. Antara kemudahan-kemudahan yang kita sediakan adalah gelanggang serba guna. Bermakna gelanggang futsal ada di situ dengan gelanggang sepak takraw ataupun gelanggang badminton, ada sebahagiannya

bola jaring juga boleh dimuatkan di gelanggang serba guna ini. Ataupun gelanggang *basket ball* yang boleh juga diletakkan di situ. Selain daripada itu ada dataran anak muda yang kita *premix* kan di kawasan tersebut dan kita juga meletakkan membina pentas terbuka. Tujuannya adalah untuk program anak-anak muda apa sahaja program yang menepati dengan kategori yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri untuk pembangunan belia itu, di sinilah yang kita harapkan program-program ini dapat dilakukan termasuklah program-program pembangunan insan itu juga sendiri boleh diadakan di sini. Selain daripada itu ada prasarana tandas yang kita letakkan juga dalam kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan di situ. Ini juga bergantung kepada keperluan daripada kawasan-kawasan tersebut ada sebahagiannya yang tidak memerlukan tandas mereka mahukan seperti bangunan serba guna juga kita memberi kelulusan. Dan juga kita merancang akan diadakan *kiosk* perniagaan untuk anak-anak muda mengikut kesesuaian-kesesuaian tempat yang kita rasakan kita boleh berikan peluang-peluang perniagaan pada anak-anak muda ataupun belia tempatan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ia, Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Timbul rasa tidak puas hatilah kerana peruntukan bagi tiap-tiap DUN itu lebih kurang sama lebih kurang RM200 ribu. Tetapi tiada yang bangunan hanya yang ada padang futsal dan bilik air. Manakala di tempat-tempat lain ada dataran anak muda, ada *stage*, pentas dan ada lindungan-lindungan untuk kegiatan. Jadi mengapa ada perbezaan sedangkan harga sama? Tidakkah ini dibuat penyelidikan dan perbandingan yang menyebabkan perbezaan binaan pada hal kosnya lebih kurang sama? Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Bangi. Saya kira Bangi merujuk kepada kawasan Bangi sendiri yang mana kita merancang supaya di setiap Dewan Negeri itu adalah perkara kemudahan yang sama yang kita berikan tetapi di kawasan Bangi sendiri adalah di atas permintaan surat yang diberikan kepada pihak kami dan juga pihak Menteri Besar Incorporation yang mereka tidak mahukan tandas. Mereka mahu sebuah bangunan serba guna yang saiznya lebih kurang saiz tandas yang kita cadangkan. Begitu juga dengan dataran anak muda. Mereka tidak mahu dataran anak muda dan dataran pentas yang kita letakkan sebagai kemudahan di dalam prasarana itu. Mereka mahu menaik tarafkan gelanggang sepak takraw yang berada di luar daripada gelanggang serba guna yang kita adakan. Ini sebab itu saya katakan tadi bahawa kita juga memberikan keterbukaan ini kepada keperluan-keperluan sesuatu tempat mengikut kesesuaian masing-masing. Jadi untuk pengetahuan Bangi, bahawa di Bangi sendiri itu yang diminta oleh peringkat DUN Bangi. Jadi itu yang kita berikan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Ia, terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO kerana bagi saya gelanggang sukan anak muda boleh dikategorikan stadium pun termasuk dalam gelanggang sukan anak muda. Soalan saya untuk membina gelanggang-gelanggang muda ini dan dataran untuk anak muda perlunya belanja yang besar tetapi bukannya lebih elok yang dah ada itu kita jaga. Contohnya stadium-stadium hoki dengan stadium yang berada di kawasan sekeliling Selangor dalam keadaan yang cukup menyedihkan. Contohnya Stadium Hoki Pandamaran yang di mana digunakan oleh anak-anak sekolah yang saya kira sebagai gelanggang anak muda juga terbiar begitu dengan koyak rabaknya padang dan sebagainya. Dan juga Stadium MBPJ dalam keadaan yang cukup menyedihkan. Contoh di kawasan saya sendiri Stadium Selayang pun

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Y.B. masa, masa

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Site nya dalam keadaan teruk. Jadi saya mohon supaya tindakan diambil dan soalan saya bukannya elok kita jaga yang dah ada daripada hendak bina yang baru. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Templer. Saya faham. Dan saya kira saya sudah juga menerima permohonan-permohonan daripada Majlis Perbandaran Klang untuk menaik taraf ataupun membina kerosakan-kerosakan yang berlaku di dalam padang hoki di Klang dan juga Stadium Selayang. Dan begitu juga beberapa stadium yang ada di Negeri Selangor ini termasuklah stadium Jugra di Kuala Langat, Sabak Bernam dan sebagainya. Kita juga melihat bahawa perlunya untuk kita bina satu gelanggang serba guna dan dataran anak muda ini terutamanya untuk membangunkan anak muda tempatan. Yang saya lihat pada hari ini prasarana yang kita buat contohnya pagarnya adalah jenis ..... yang kita jangkakan ia akan tahan lebih baik daripada pagar berbentuk siling yang sedia ada yang saya kira saban tahun kita terpaksa ganti yang memerlukan kos yang lebih tinggi. Insya-Allah saya kira beberapa permohonan-permohonan daripada pihak-pihak tertentu termasuklah tadi padang hoki dan sebagainya di dalam pertimbangan kita. Yang mana kita masih ada lagi peruntukan yang saya kira MBI juga akan memberi pertimbangan itu dan Insya-Allah kerajaan negeri juga akan memberi pertimbangan demi kemudahan prasarana kemudahan untuk anak-anak ataupun rakyat di Negeri Selangor itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, soalan No.18.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK: MAIS COPERATION SDN. BHD.**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah aktiviti yang dijalankan oleh MAIS Coperation Sdn. Bhd.
- b) Terdapat juga kerja-kerja yang berkaitan dengan Masjid yang dilakukan oleh MAIS Coperation Sdn. Berhad. Siapakah yang menyelenggarakan kerja-kerja tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Lembah Jaya yang menanyakan soalan mengenai MAIS Coperation Sdn. Bhd. MAIS, MAIS Coperation Sdn. Bhd. merupakan syarikat milikan Majlis Agama Islam Selangor, MAIS. Ia tidak sama di bawah jagaan JAIS. MAIS ialah satu institusi tersendiri di bawah penyeliaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan di bawah Majlis JAIS. MAIS Coperation mempunyai syarikat induk kepada 5 anak syarikat di bawahnya iaitu:

- 1) MAIS Construction Properties Sdn. Bhd., khusus dalam aktiviti pembinaan.
- 2) MAIS Trading Sdn. Bhd. perkhidmatan, pembekalan, pembersihan dan pengurusan fasiliti.
- 3) MAIS Health Care Services Sdn. Bhd. Untuk dia telah mengadakan 5 cawangan Pusat Dialisis MAIS yang ditubuhkan di Shah Alam, Jalan Kapar, di Kuala Selangor, Sungai Besar dan Taman Melawati.
- 4) MAIS Development Sdn. Bhd. khusus kepada pembangunan hartanah.
- 5) MAIS Information, Communication Properties Sdn. Bhd. telah menjalankan usaha sama dengan Netfarm Solution Sdn. Bhd. dan memegang ekuiti 30% dalam syarikat usaha sama NFS-KMC Technology yang menjalankan perniagaan berasaskan internet dan IT.

Soalan yang kedua, terdapat kerja-kerja berkaitan dengan Masjid yang dilakukan oleh MAIS Corporation. MAIS Corporation turut terlibat:

- 1) Kerja-kerja baik pulih masjid dan surau yang dilantik di bawah Lembaga Zakat Selangor.
- 2) Kerja-kerja penyelenggaraan masjid yang dilantik oleh JAIS



**Y.B. TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, soalan No.19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: ANCAMAN TANAMAN**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedar monyet dan babi hutan sering menjadi ancaman utama kepada hasil tanaman pekebun-pekebun kecil di Negeri Selangor?
- b) Jika sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu pekebun-pekebun kecil mencegah tanaman mereka daripada dirosakkan oleh monyet dan babi hutan?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor menyediakan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang mana tanaman mereka telah dirosakkan oleh monyet dan babi hutan?

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, menjawab soalan Sungai Burong berkaitan dengan ancaman unggas ataupun monyet dan babi hutan. Kerajaan negeri sedar masalah perosak tanaman seperti monyet dan babi hutan. Langkah-langkah yang diambil untuk membantu pekebun-pekebun ini daripada serangan monyet oleh Jabatan Pertanian melalui Unit Perlindungan Tanaman adalah dengan memasang perangkap di kawasan yang didapati sering diserang oleh monyet. Dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN, monyet-monyet yang telah diperangkap akan dipindahkan oleh Jabatan PERHILITAN ke hutan simpan atau kawasan yang bersesuaian. Bagi kawalan perosak babi hutan, petani digalakkan untuk memasang pagar kawasan bukan zink atau memasang perangkap. Seterusnya pekebun-pekebun kecil yang mengalami masalah serangan perosak-perosak tersebut boleh memohon bantuan daripada Pejabat Pertanian Daerah yang berdekatan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ia, sila.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah EXCO sedar bahawa memasang perangkap untuk menyekat ancaman monyet yang telah dibuat begitu lama dan didapati tidak berkesan kerana apabila telah ditangkap monyetnya akan dipindahkan ke tempat dan ia akan datang lagi dan didapati masalah

yang sama berlaku. Jadi soalan saya ialah tak adakah cara lain untuk mengatasi masalah pertama ancaman. Ancaman ini serius kepada pekebun kecil kerana ia merosakkan tanaman-tanaman yang baru di tanam terutamanya. Dan didapati mereka tidak ada cara untuk menyelesaikan masalah ini sebab perkara ini telah berlarutan. Jadi saya mohon soalan tambahan saya apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang lebih bermakna supaya masalah ini dapat diatasi dan dapat dilihat berkesan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya akui kawalan secara perangkap ini nampaknya kurang berkesan. Tapi ada petani-petani yang membela anjing untuk mengawal kawasan ladang tersebut. Nampaknya petani-petani ini dapat mengawal kawasan-kawasan ladang mereka. Dan tetapi tidak ada bantuan diberi. Dan setakat ini Jabatan PERHILITAN juga memohon ada usaha-usaha supaya menembak sebahagian untuk mengurangkan populasi tetapi ini mendapat tentangan daripada beberapa agensi. Tidak ada dapatan seperti monyet balik semula. Tapi pembiakan mereka memang sangat berleluasa. Khususnya kawasan-kawasan seperti di Sabak Bernam dan juga di Sepang. Tapi saya rasa cadangan yang menggunakan anjing ini agak berkesan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Speaker, penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Tak, tak, tak. Duduk, duduk. Biar dijawab dulu.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Tapi petani yang memelihara anjing nampaknya lebih berkesan untuk mengawal ladang-ladang mereka.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sebab dijelaskan oleh EXCO tadi bahawa monyet ini tak didapati tak balik semula. Jadi kalau itulah kenyataannya, adakah kajian telah dibuat menunjukkan bahawa monyet-monyet ini tidak balik semula sebab kita dapat tahu kumpulan monyet ini memang satu ditangkap kemudian itu dipindahkan oleh PERHILITAN kemudian itu dia balik semula ke kawasan tersebut. Jadi, cuma kita hendak lihat supaya langkah yang berkesan ini dapat dilihat sebab PERHILITAN pun dia tidak ada kapasiti untuk mengambil tindakan. Jadi, saya berharaplah EXCO Pertanian sama ada menyediakan bajet ataupun langkah-langkah yang dilihat supaya masalah ini dapat diselesaikan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nyatakan tadi bahawa Jabatan PERHILITAN setakat ini itulah usaha memindahkan monyet-monyet tersebut ke kawasan-kawasan hutan-hutan. Tapi oleh kerana monyet-monyet kampung ini dia tidak biasa tinggal di hutan dan mereka akan berada di pinggir-pinggir hutan. Tak boleh masuk dalam hutan sebab dalam hutan itu sudah kelompok monyet lain yang tak benarkan monyet kampung ini masuk dalam hutan. Jadi memang sukar. Dan ini kerana proses perbandaran berlaku dan kawasan habitat hutan yang asal telah pun dimusnahkan dan saya akan terus minta supaya Jabatan PERHILITAN membantu kita

untuk membantu petani dalam usaha-usaha untuk mengurangkan populasi monyet di kawasan kampung.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ia, Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO:** Tuan Speaker, soalan No.20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(JERAM)**

**TAJUK: PRESTASI KEWANGAN SEMASA UNISEL**

20. Pengurusan Universiti Selangor (UNISEL) mendakwa prestasi kewangan semasa semakin bertambah baik sejak 2011 hingga kini.

Bertanya kepada Y.A.B.. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi pendapatan dan perbelanjaan UNISEL pada tahun 2011 dan 2012?
- b) Apakah faktor yang menyebabkan kemerosotan prestasi kewangan terdahulu?
- c) Apakah strategi untuk mengukuhkan kewangan UNISEL jangka pendek dan panjang?

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih kepada Jeram. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera. Saya akan menjawab soalan Jeram bersekali dengan soalan No.177, Sungai Burong dan 208, Meru. Prestasi pendapatan dan perbelanjaan UNISEL pada 2011, Januari hingga Disember pendapatannya adalah sebanyak RM79.9 juta berbanding 2012, Januari hingga September adalah sebanyak RM65.9 juta sehingga September dan dijangka pendapatan hingga Disember tambahan sebanyak RM29.5 juta bermakna Insyallah pendapatan UNISEL adalah sebanyak RM95.4 juta, 2012.

Perbelanjaan 2011, Januari hingga Disember adalah sebanyak RM116.7 juta dan untuk 2012, sebanyak RM102.9 juta selepas ditolak bon oleh Kerajaan Negeri. Dan faktor menyebabkan kemerosotan prestasi kewangan adalah disebabkan

- i) Pembayaran balik pinjaman bon Al-Baids Bai' Bithamin Ajil Debts (BaiDs).
- ii) Kos pembaikan dan penyelenggaraan infrastruktur.
- iii) Kemerosotan nilai aset

iv) Penurunan bilangan kemasukan pelajar baru pada tahun 2011

Saya hendak beri sedikit ringkasan mengenai prestasi kewangan ini sehingga berakhir 31 Julai seperti yang saya dapat daripada UNISEL. PIYSB UNISEL telah mencatat pendapatan yuran sebanyak RM34.7 juta hingga bulan Julai 2012. Ini yang sudah ada yang sudah kita dapati meningkat sebanyak 2.86% berbanding Januari hingga Julai tahun lepas sebanyak RM33.8 juta. Kos penggajian menurun 0.5% iaitu RM30.241 juta pada Julai 2012 daripada RM30.392 juta pada Julai 2011. Dan saya hendak beritahu Jeram sebulan bonus diberi dan kenaikan gaji tahunan juga dilaksanakan. Bukan seperti apa yang telah di gambar gemburkan seolah-olah pekerja UNISEL tidak mendapat gaji dan sebagainya. Kos operasi, utiliti, *maintenance* dan BOT, kenaikan sebanyak 0.1% kepada RM15.22 juta Julai 2012 daripada RM15.21 juta Julai 2011. Dan kos perbelanjaan keseluruhan yang telah digunakan sehingga Julai adalah sebanyak RM62.4 juta 2012 ni berbanding sebanyak RM63.21 juta iaitu menurun RM1.3 juta. Kos susut nilai meningkat sebanyak 17.4% iaitu RM8.6 juta pada Julai 2012 jika dibandingkan dengan Julai 2011 sebanyak RM7.3 juta.

Biaya kewangan pinjaman BaiDs RM8.6 juta telah dibiayai melalui geran Kerajaan Negeri tapi masih dikira di dalam akaun UNISEL dan proses memindahkannya sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri, UNISEL dan Affin Bank. Kos BOT, asrama di kampus Bestari Jaya dan kos kontrak penyelenggaraan RM10.36 juta yang telah dimeterai semenjak 2002 di dalam proses rundingan timbang tara dengan Syarikat Jananiaga Sdn. Bhd. Jadi perkara 5, 6 dan 7 sebenarnya mempengaruhi untung dan rugi akaun UNISEL sehingga 31 Julai 2012 PIYSB atau UNISEL telah mencatat kerugian sebanyak RM26.63 juta. Tetapi ini, ini *fullpoint* kena ambil kira

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Masa sudah sampai ya.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Ok. Oleh sebab kos BaiDs bon telah dibiayai oleh kerajaan negeri dan kos susut nilai tidak melibatkan kewangan, aliran tunai UNISEL adalah stabil. Akhir sekali saya hendak sebutkan di sini kepada Jeram langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut

Jangka pendek

- i) Pengambilalihan bon RM150 juta oleh kerajaan negeri.
- ii) Membiayai kos pembangunan dan pembaikan infrastruktur oleh Kerajaan Negeri.
- iii) Meningkatkan bilangan pelajar yang mana telah berjaya ditingkatkan daripada 2011 seramai 9,600 orang pada tahun 2012 seramai 11,300 orang

Mengoptimumkan perbelanjaan operasi universiti. Jangka panjang, menubuhkan dana UNISEL .....*fund* dan juga Insyaa-Allah meningkatkan imej UNISEL ke top 200 Insyaa-

Allah dalam masa 15 tahun. Sekarang ini pemegang biasiswa kerajaan pusat untuk program di peringkat PHD dan Master boleh belajar di UNISEL tidak seperti di tahun yang lepas. Ini menunjukkan kepercayaan oleh Kerajaan Pusat dengan prestasi pendidikan UNISEL. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, masa pertanyaan sudah tamat. Saya ucapkan tahniah kepada semua yang berjaya mematuhi had masa sementara yang belum mampu lagi mengikut had masa saya berharap mereka dapat berusaha supaya kita dapat memastikan soal jawab ini dapat dikendalikan dengan cekap ya....saya ucap tahniah sebab hari ini kita sampai soalan nombor 20. Baik saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya, dipersilakan.

## **V. RANG UNDANG-UNDANG**

### **UCAPAN BAJET**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya Rang Undang-undang perbekalan kurungan 2013-2012 semua peringkat. Rang undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguh Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan rang undang-undang ini dibaca di semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. PUAN TERESA KOH SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya, ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan Ahli-ahli Y.B., tujuan rang undang-undang ini adalah untuk pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi 1,572,092,905.00 daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 adalah dibenarkan. Dan jumlah ini diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual. Ahli-ahli Y.B. sekalian, Alhamdulillah, marilah kita mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinnya untuk bersama hadir di dewan yang mulia ini. Saya kira belum terlambat lagi saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua ahli Y.B. dan seluruh rakyat Malaysia yang beragama Hindu. Di Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Maal Hijrah 1434 kepada ahli Y.B. dan seluruh umat beragama Islam. Semoga Pesta Cahaya dan Sambutan Tahun Baru ini memberikan kekuatan kepada kita untuk bekerja dengan lebih baik, sempurna

dan efisien. Bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor saya ingin membentangkan belanjawan berimbang Negeri Selangor 2013 dengan tema “Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia”.

Naik sampan pengayuhnya satu  
pelan-pelan sampai juga  
Ekonomi mampan Selangor maju  
Negara aman rakyat bahagia.

Pada Mac tahun depan lengkaplah mandat lima tahun Pakatan Rakyat mengemudi Pentadbiran Negeri Selangor. “Lao Zhu”, ahli falsafah Negeri China pernah menyebut Perjalanan beribu batu bermula dengan langkah pertama. Dalam usaha mengorak langkah misi kita hanya satu, meletakkan Negeri Selangor di atas asas yang kukuh agar terus menerajui negeri, Negara demi generasi mendatang. Sejak empat tahun yang lalu pentadbiran ini telah menekankan konsep, dengan izin “*value for money*”. Ujian asid ini digunakan pakai dalam setiap perancangan termasuk pengambilalihan projek penswastaan. Contohnya industri perkhidmatan air dan juga perkhidmatan pengurusan sisa pepejal. Bagi mencapai makna *value for money* yang kita perkenalkan kita menetapkan semua urusan hendaklah secara panggilan tender terbuka. Kita percaya dengan amalan beri projek kepada pembida terendah bukan sahaja kita dapat membeli nilai wang yang dibayar rakyat, tetapi kita juga berurusan terus dengan pemilik operator tanpa melibatkan orang tengah yang akhirnya peranan orang tengah ini menjadi tidak relevan lagi dan terhapus dengan sendirinya. Menukar amalan kebiasaan apatah lagi jika ia berakar umbi hingga diterima sebagai budaya bukanlah sesuatu yang mudah. Untuk sekian kalinya saya menyeru agar kita membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Hakikatnya tidak mungkin terhasil sesuatu yang luar biasa jika kita tidak berani berubah dan mengubah. Namun saya maklum bahawa bukan mudah untuk kita melakukannya. Ia memerlukan kekuatan politik dan fokus harusnya ditumpukan bagi memastikan kepentingan rakyat kebanyakan terus terpelihara dan bukannya kepentingan individu atau golongan tertentu. Harta yang paling bernilai bagi saya ialah kepercayaan rakyat. Perkara yang membuatkan saya terjaga di tengah malam sebenarnya bukan mencari jalan menambah rizab negeri tetapi bagaimana memastikan setiap sen yang dibelanjakan sejajar dengan nilainya dan benar-benar sampai kepada sasaran yang dituju. Baru-baru ini Ketua Audit Negara telah membentangkan Laporan Audit Negara 2011. Kerajaan Negeri Selangor merakamkan penghargaan kepada pegawai-pegawai dan penjawat Awam kerana usaha gigih meraih beberapa kejayaan dalam peningkatan dan pelbagai aspek. Antaranya :

1. Kedudukan kewangan yang baik dengan peningkatan dari segi wang simpanan hasil pelaburan dan pengurusan kewangan.

2. 9 dari 12 pihak Berkuasa Tempatan dan 5 Badan Berkanun mencatat lebih pendapatan.
3. Peningkatan wang pelaburan pada 2011 sebanyak 1.55 bilion berbanding tahun sebelumnya RM928.61 juta. Ia merupakan peningkatan berterusan untuk tahun ke lima berturut-turut. Peningkatan hasil sebanyak 62.5 juta dari 1.57 bilion ringgit pada 2010 kepada 1.634 bilion ringgit pada 2011.

Kumpulan wang disatukan naik kepada 1,944 bilion 1.994 bilion kepada...daripada 1.58 bilion ringgit pada tahun 2010. Pembayaran hutang awam yang sangat baik. Projek pembangunan yang sangat baik dari segi perbelanjaan dan bilangan projek yang lulus. Kerajaan Negeri Selangor mengucapkan tahniah kepada lapan jabatan Agensi Negeri yang telah mencapai tahap prestasi pengurusan kewangan yang sangat baik yakni empat bintang berbanding dengan hanya empat jabatan atau agensi negeri pada tahun 2010. Lapan Jabatan tersebut adalah Majlis Perbandaran Subang Jaya, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Agama Islam Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan Perbendaharaan Negeri Selangor. Menerusi Laporan Audit Negara 2011 tersebut jelas membuktikan Kakitangan Kerajaan Negeri Semakin Menerima Baik dan memahami hasrat kerajaan negeri yang mahukan pentadbiran negeri diurus secara telus dan bertanggungjawab terutama melibatkan pengurusan kewangan. Namun begitu terdapat teguran dan peringatan dalam laporan audit 2011. Alhamdulillah teguran membina dan cadangan pembaikan yang dikemukakan laporan Audit itu sebenarnya sudah dikenal pasti pada awal 2012 dan diberi pembaikan sewajarnya. Sebagai contoh teguran terhadap akaun UNISEL. Ahli-ahli Y.B. selain daripada PIYSB UNISEL, selain daripada akaun tersebut ia tidak diaudit sebelum 2008 kerana audit itu...kerana audit yang tidak berfungsi. PIBS mempunyai liabiliti jangka panjang yang meliputi hutang, jumlah terhutang bagi pinjaman terbitan *Bithamin Ajil Islamic Debt Security*. Dengan Affin Bank Berhad sejumlah 150 juta. Hutang yang dicipta untuk pembinaan kampus UNISEL oleh tetuan Lebar Daun Sendirian Berhad setelah perjanjian dengan Syarikat Talam dibatalkan kerajaan....oleh Kerajaan sebelum ini. Hutang tersebut telah menjadikan akaun UNISEL sangat sukar diperbaiki. Peliknya, UMNO Barisan Nasional sememangnya maklum dengan situasi tersebut turut berpura-pura menunjukkan kerisauan dengan situasi akaun UNISEL ini. Justeru itu Kerajaan Negeri telah membuat dua keputusan penting. Menubuhkan jawatankuasa audit dan pemeriksaan UNISEL dan mengambil alih hutang tersebut. Dan bayaran balik terbitan *Bithamin Ajil Islamic Debt Security* dan mula dijelaskan pada tahun 2011 dan berakhir tahun 2022. Bagi maksud itu Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengeluarkan jumlah terhutang tersebut dari penyata kewangan PIYSB UNISEL pada tahun 2011 oleh sebab bayaran balik pinjaman berjaya dilunaskan oleh Kerajaan Negeri melalui PIYSB. Bagaimanapun jumlah terhutang

tersebut hanya boleh dikeluarkan pada penyata kewangan PIYSB pada tahun berakhir 31 Disember 2012. Manakala catatan tambahan bagi nota akaun tahun 2011 adalah seperti berikut: Bayar kupon dan ansuran pokok tahunan terbitan *Bithamin Ajil Islamic Debt Security* telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2011 dan akan diteruskan sehingga selesai. Setelah penyusunan semula penstrukturan hutang dilakukan terdapat perbezaan ketara dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember, 2011 berbanding dengan 30 Jun, 2012. Saya ingin nyatakan pertama dalam akaun PIY.B.S pinjaman terbitan baik *Bitamin Agil Islamic Debt Securities* pada 31/12/2011 tercatat liabiliti 150 juta. Tetapi pada 30/6/2012 tidak tercatat lagi, (kosong);

Kedua, untung rugi tahunan semasa pada 31 Disember 2011 kerugian merupakan RM 98,799,619.00 juta tetapi dalam akaun 30 Jun 2012 kerugian itu dihapuskan dan mendapat keuntungan RM 127, 499,000.00 juta; dan

ketiga, untung dan rugi terkumpul pada 31 Disember 2011 kerugian untuk terkumpul UNISEL berjumlah RM 161, 605,212 juta, pada akaun 30 Jun 2012 akaun UNISEL menunjukkan lebih terkumpul RM 43, 354,000 juta.

Kesimpulan dari draf penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2012 menunjukkan kedudukan PIYSB atau UNISEL yang mula sihat dan baik. Hal ini dilihat dari segi jumlah keuntungan tahun semasa dan terkumpul yang boleh dijana sekiranya pinjaman *Bithamin Ajil Dept. Securities* ini dikeluarkan dalam kenyataan penyata kewangan PIYSB. Data ini telah disemak dan disahkan oleh Juru Audit luar Tetuan Razak & Co. Laporan Audit Negara 2011 juga ada menyentuh Skim Tabungan Warisan Anak Selangor (TAWAS) dengan kebimbangan mengenai kelestarian program ini, sebagaimana dijangka berkokoklah pihak puak UMNO yang dengan cepat menghukum program ini akan bankrap, untuk makluman Dewan perkara ini telah lebih awal dikaji oleh Pakar yang dilantik dan ditangani menerusi penubuhan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) yang bukan berasaskan keuntungan dan bagi menguruskan Skim Tabung Warisan Anak Selangor, kita hanya membayar RM 70 setahun untuk seorang peserta dan mereka ini akan mendapat sekurang-kurangnya RM 1,500.00 selepas berumur 18 tahun, YAWAS mendapat geran sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan operasi. Oleh itu, tidak timbul isu bahawa program ini boleh mengalami kerugian jauh sekali menjadi bankrap. Bagaimanapun, YAWAS menjalankan inisiatif untuk menjana pendapatan daripada dana yang boleh dibelanjakan dan dilaburkan ke dalam pasaran luar. Dari tahun 2008 hingga 2011 YAWAS berjaya menjana pendapatan dari pelaburan ini sebanyak RM 622,782.00 dan hal ini dapat meringankan kos operasi sehingga November 2012 status Sijil Pelaburan Ahli TAWAS ataupun Tabung Warisan Anak Selangor adalah seperti berikut:-

1. Ahli Yang Lulus dan Layak seramai 84,152 orang



2. Ahli Yang Telah Mempunyai Akaun seramai 27,635,
3. 56,514 ribu masih diproses di bank,
4. 30,000 lagi permohonan lagi menunggu giliran untuk dihantar ke bank.

Saya tegaskan di sini, dua (2) isu utama yang dibangkitkan oleh laporan Audit Negara 2011 telah diselesaikan dalam tahun 2012 dan saya berbangga dengan usaha giat serta profesional yang dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan serta anak-anak syarikat yang terlibat.

Sidang Dewan yang dimulakan, sejak 2008 antara aktiviti terawal diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah memperbaiki urusan penyelenggaraan kerajaan dalam kerajaan dengan izin "*House Keeping*" bagi mereformasikan pentadbiran serta pengurusan kewangan Kerajaan Negeri termasuk membetulkan keadaan yang diwarisi dari pentadbiran terdahulu. Sesungguhnya terlalu banyak kepincangan pengurusan jika mahu diperkatakan satu persatu. Malangnya hingar-bingar media yang dikuasai UMNO Barisan Nasional melaporkan sebaliknya, kononnya ada kecacatan di Selangor merangkumi isu air, TALAM, isu sampah dan yang terbaru isu Yayasan Selangor.

Kita bernasib baik kerana rakyat telah bijak menilai sendiri paparan media perdana hanya mereka dijadikan penggalas makanan dan bukannya juadah istimewa, ketelusan pentadbiran yang kita amalkan akhirnya telah membuka pekong dan nanah pemimpin terdahulu yang memerintah 50 tahun lamanya. Pada masa yang sama, saya menganggap perjalanan melakukan reformasi ini merupakan perjalanan panjang yang sukar umpama "Biat sebuah lagu mengharap senang dalam berjuang ibarat menanti bulan di tengah siang, jalan kebenaran tidak akan selalu sunyi ada ujian yang datang melanda, ada perangkap menunggu mangsa".

Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan,

Pada sidang kali ini Kertas Putih mengenai pelunasan hutang TALAM dibentangkan, hutang-hutang TALAM asalnya timbul dari beberapa perjanjian usaha sama antara Kumpulan Hartanah Selangor Berhad dan Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Kumpulan TALAM bagi pembangunan hartanah antara tahun 1994 hingga 2002, jumlah yang terhutang kepada pendidikan industri YS Sendirian Berhad ataupun UNISEL pula timbul menerusi satu perjanjian penswastaan bagi pembinaan UNISEL pada tahun 2001 dan 2003, walaupun media perdana memainkan isu mekanisme penyelesaian yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri namun soalan yang lebih relevan ditanya, "Adalah bagaimana dalam tempoh satu dekad di bawah Kerajaan Barisan Nasional sebuah syarikat dibiarkan berhutang ratusan juta kepada anak syarikat Kerajaan Negeri tanpa rekod perakaunan yang telus" tidak lebih tidak masuk akal bagaimana TALAM

dibiarkan bermaharajalela pepatah cina yang menyatakan “Lebih baik menyalakan lilin untuk terang daripada terus menyumpah kegelapan”.

Masalah bagi UMNO Barisan Nasional yang disumpah bukan penyebab kegelapan sebaliknya orang yang memasang lilin yang diasak dan dicerca, meskipun begitu saya masih juga mampu berlapang dada kerana pepatah Melayu ada menyatakan “Lebih kosong tin itu lebih kuat bunyinya” Kertas Putih TALAM mampu memberi seluruh gambaran isu ini, saya yakin rakyat akan melihat pekong siapa yang akan terdedah, namun pada saya perkara yang lebih utama ialah pengajaran yang kita pelajari hasil daripada isu TALAM ini. Walaupun kita, telah terangkan berkali-kali namun ada di antara kita masih tidak faham ataupun tidak mahu faham, apatah lagi apabila wujud anasir dengki yang sentiasa berusaha untuk mengelirukan rakyat, rakyat menjadi gusar tidak percaya kepada institusi kerajaan bahkan mereka bersikap buruk sangka dan curiga. Persoalannya, “Mengapakah boleh terjadi sedemikian? Jawapan saya, “Ini hasil lebih 50 tahun pemerintahan Barisan Nasional, rakyat melihat bagaimana mereka telah ditipu diperbodohkan, tindakan dan urusan tidak telus sentiasa mendahului kroni dan suku sakit, maka apabila Pakatan Rakyat berjaya mendapat semula hutang TALAM rakyat menjadi prejudis, apatah lagi dengan kewujudan puak-puak yang sengaja mengadu domba dan menyangkakan kerajaan sekarang juga melakukan amalan busuk seperti mereka lakukan dahulu.

Desakan dan permintaan rakyat pula bukan sedikit curiga dan prasangka juga amat tebal, justeru itu, tugas kita hari ini amat berat iaitu bagaimana kita boleh mengembalikan kepercayaan rakyat, setidak-tidaknya rakyat tidak boleh berlapang dada apabila kita mengusulkan sesuatu dan tidak terus membuat kesimpulan negatif. Ini cabaran mendatang yang perlu kita atasi dan cabaran itu boleh kita hadapi dengan kita terus mengamalkan sikap profesional telus dan penuh pertanggungjawaban dalam setiap urusan dan tindak-tanduk kita.

Yang Berhormat Dato’ Speaker dan Seluruh Ahli Dewan yang saya muliakan,

Ekonomi Global serantau dan Malaysia, ekonomi global pencapaian ekonomi Amerika Syarikat sebagai kuasa besar berkembang dengan kadar perlahan hanyalah ada kadar 1.9 peratus pada tahun 2011, berikutan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang sederhana dan penguncupan perbelanjaan kerajaan. Hal ini mendorong berlakunya peningkatan kadar pengangguran, keadaan ekonomi dunia juga lembap dan menuju kemelesetan yang dikatakan mempunyai masalah yang berbagai-bagai-bagai dan bergantung antara satu sama lain, malah kalau satu negara menghadapi masalah negara-negara lain juga menghadapi masalah yang sama. Soalnya sekarang, apakah krisis ekonomi yang kita hadapi ini dalam keadaan yang boleh dibentuk, walhal faktor utama krisis ini ialah krisis pekerjaan seperti mana yang kita nampak sekarang berlaku di Kesatuan Eropah seperti Sepanyol, Greece dan juga Portugal di mana kadar

pengangguran melebihi 20 peratus. Golongan Belia lepasan universiti mengalami tekanan yang lebih teruk kerana lebih 50 peratus daripada mereka tidak mempunyai pekerjaan, kita khuatir jika Malaysia tidak menjalankan langkah-langkah awal menangani masalah ini, kita mungkin juga menghadapi kemelesetan ekonomi yang juga pernah kita alami pada akhir tahun 2008 dan tahun 2009.

Saya berpandangan, setiap krisis pasti wujud bersama peluang yang boleh dimanfaatkan ketika Persatuan Eropah Amerika menghadapi kemerosotan ekonomi Selangor melihat ekonomi Asia boleh memainkan peranan penting bagi penyelamatan ekonomi Asia terutama ketika kuasa besar Asia iaitu Cina dan Jepun sedang mengalami pergeseran Diplomatik akibat perebutan Pulau Senkaku Diaoyu, hinggakan Jepun telah membuat keputusan untuk mengeluarkan pelaburan mereka dari Cina yang dianggarkan bernilai lebih daripada USD 6,500 bilion, 6.5 bilion yang melibatkan lebih daripada 20,000 syarikat. Malaysia khususnya Selangor perlu menggunakan peluang ini supaya dapat menarik para pelabur Jepun untuk melabur di sini.

Ekonomi serantau negeri-negeri Asia bakal menjadi menerajui pertumbuhan ekonomi global dengan pertumbuhan ekonomi pelaburan dan aliran perdagangan terus menunjukkan peningkatan dan perkembangan yang positif. Prestasi ekonomi kebanyakan kuasa Asean seperti China, India, Republik Korea atau Korea Selatan menunjukkan pertumbuhan keluaran dalam negara dasar yang kukuh sepanjang tahun 2012 didorong permintaan domestik yang mantap penggunaan swasta yang terus meningkat serta kepesatan sektor perkhidmatan dan pertanian. Ekonomi Jepun terus menguncup tapi dalam kadar yang perlahan sekitar 1%. Penguncupan yang mendadak dalam Sektor Perbuatan berikutan bencana gempa bumi dan tsunami yang melanda sekitar suku pertama 2011. Kebanyakan negara anggota ASEAN juga mencatatkan pertumbuhan yang positif didorong permintaan luar dan Domestik yang meningkat yang mencerminkan kekukuhan keseluruhan ekonomi dan kewangan rantau ini. Ekonomi negara seperti Indonesia, Filipina, Singapura dan Vietnam berkembang pada kadar positif dan sederhana berbanding Thailand yang mencatatkan keluaran dalam negara kasar lebih perlahan dengan keluaran dalam negara kasar 2.9% pada 2011 disebabkan perbelanjaan penggunaan swasta dan pelabuhan awam yang lebih rendah.

## **EKONOMI MALAYSIA**

Ekonomi Malaysia telah meningkat 5.4% berbanding 4.9% pada suku sebelumnya dan dengan diterajui oleh perkembangan berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor Pertanian menguncup 4.7% akibat penurunan pengeluaran tanaman kelapa sawit, getah dan perhutanan. Pertumbuhan 2.3% dalam nilai ditambah sektor perlombongan dan kuari adalah disokong oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih meningkat 8.8%. Bagaimanapun pengeluaran gas asli telah menurun 4.4%. Sektor pembuatan meningkat 5.6% pada suku tahun ini. Produk Petroleum kimia, getah dan

plastik tumbuh 9.6% merupakan pemangkin pertama dalam pertumbuhan ini susulan daripada pengeluaran yang lebih tinggi dalam produk petroleum bertapis. Sektor pembinaan telah berkembang 2.2% pada suku kedua 2012 berbanding pada suku tahun pertama 15.5%. Pertumbuhan ini terjadi keaktifan dalam sektor kecil pembinaan kejuruteraan awam dan kediaman. Sektor Perkhidmatan turut meningkat kepada 6.3% dengan disokong oleh sektor perdagangan borong dan runcit serta sektor kewangan dan insurans. Pertumbuhan 9% bagi sektor perdagangan borong dan runcit telah diterajui oleh aktiviti peruncitan. Sektor kewangan dan insurans berkembang 6.6% dengan dirangsang oleh pendapatan berasaskan yuran yang lebih tinggi bagi aktiviti perbankan dan serta peningkatan dalam pendapatan premium bagi aktiviti insurans. Bagaimana pertumbuhan di Selangor pertumbuhan keluaran secara kasar bagi Negeri Selangor dalam keseluruhan tahun 2012 adalah diunjurkan pada 6.1% berbanding pertumbuhan 6.0% pada 2012. Pertumbuhan Keluaran Negara Kasar Selangor bermula pada tahun 2008 hingga 2012 menunjukkan peningkatan di sekitar 5% hingga 8.3%, kecuali pada tahun 2009 bila mana menguncup ekonomi dicatatkan pada kadar -1.6% akibat tidak kestabilan ekonomi global terutama di Amerika Syarikat dan kebanyakan negara Kesatuan Eropah. Pada masa tersebut juga ekonomi Malaysia menguncup kepada -4%. Hasil perbandingan Peningkatan Keluaran Negara Kasar Selangor adalah seperti berikut iaitu ekonomi Selangor pada tahun (2008) 8% Ekonomi Malaysia 4.8%. Pada 2009 Ekonomi Selangor -1% dan Ekonomi Malaysia -3%. Pada 2010 Ekonomi Selangor 10% dan Ekonomi Malaysia 7.2%. Pada tahun 2011 Ekonomi Selangor 6% dan Ekonomi Malaysia 5.1%. Pada tahun 2012 anggaran Ekonomi Selangor meningkat 6.1% dan Ekonomi Malaysia 5.4%. Sebagai rekod Negeri Selangor terus kekal menjadi penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Malaysia melebihi 20%. Pada tahun 2009, 2008 hingga 2012 hal ini membuktikan pentadbiran dan pengurusan kewangan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri . Sumbangan kepada keluaran negara kasar oleh Negeri Selangor:

2005 – 21.4%  
2006 – 21.2%  
2007 – 21.5%  
2008 – 22.1%  
2009 – 21.4%  
2010 – 23%  
2011 – 22.1%

Jadi prospek pertumbuhan ekonomi Selangor mengikut sektor.

## **PERTANIAN**

Pertanian nilai ditambah sektor pertanian diunjurkan mengalami pertumbuhan sebanyak 0.5% pada tahun 2012. Perlombongan dan kuari nilai ditambah sektor penggalian diunjurkan mengalami pertumbuhan 1.1% pada 2012.

## **PERKHIDMATAN**

Sektor Perkhidmatan dianggarkan menyumbang 58.3% kepada Pengeluaran Dalam Negara Kasar Negeri Selangor pada 2012 dan mengalami pertumbuhan sebanyak 4.5% di sektor kecil Utiliti, Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi yang merupakan penyumbang terbesar dari segi nilai ditambah. Sektor Kewangan dan Insurans, Hal Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan merupakan penyumbang kedua terbesar dari segi nilai di tambah dan sektor kecil ini dianggarkan mengalami pertumbuhan 4.2% pada tahun 2012. Secara keseluruhan sektor perindustrian nilai ditambah sektor ini dianggarkan sumbang sebanyak 39.9% kepada pengeluaran negara kadar negeri Selangor pada tahun 2012 dan merupakan penyumbang kedua terbesar terhadap pecahan pendapatan negeri.

Industri Perbuatan berorientasikan domestik dijangka berkembang seiring sentimen pengguna dan perniagaan yang baik dengan subsektor elektronik dan elektrik dijangka meningkat dengan peningkatan permintaan bagi kelengkapan elektronik dan semikonduktor.

## **SEKTOR PEMBINAAN**

Sektor pembinaan diunjurkan mengalami pertumbuhan positif 16.1% dalam nilai ditambah bagi tahun 2012. Keaktifan sektor ini dijangka disumbangkan oleh pembinaan rumah kediaman dan rekreasi dan bangunan perdagangan dan kompleks serta kerja baik pulih yang juga dibantu oleh keaktifan projek-projek infrastruktur. Pemulihan sederhana yang dialami perdagangan dunia menjangkakan pengeluaran dan jualan sektor pembuatan yang terus meningkat bagi tahun 2012 dengan unjuran peningkatan sebanyak 5.3% dengan sumbangan yang saya nyatakan tadi sebanyak 34.1%. Sidang Dewan sekalian Laporan Audit Negeri 2011 telah merumuskan kedudukan kewangan Negeri Selangor sebagai baik dan memuaskan. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada tarikh 31 Disember 2011 naik kepada RM1.944 bilion daripada RM1.58 bilion pada tahun 2010, iaitu peningkatan sebanyak 22%. Jumlah wang awam yang terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang oleh tiga Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Oktober 2012 adalah berjumlah RM2,500 juta. Wang awam yang berjumlah RM2,500 juta ini terdiri daripada wang tunai sebanyak RM546 juta dan pelaburan sebanyak RM2,028 juta. Wang tunai sebanyak RM546.11 juta adalah termasuk deposit pasaran wang jangka pendek sebanyak RM391 juta. Jumlah faedah yang dijana daripada simpanan tetap dan deposit pasaran wang jangka pendek sehingga 31

Oktober 2012 adalah sebanyak RM40.52 juta. Hal yang menarik adalah, meskipun kedudukan kewangan negeri terus mengukuh, perbelanjaan bagi pelbagai program pembangunan dan kebajikan rakyat juga terus meningkat. Sehingga 30 September 2012 sebanyak RM766 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai jenis program kebajikan di bawah Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor sejak 2008.

## **PRESTASI PELABURAN SELANGOR**

Sepanjang tahun 2008 hingga 2011, Selangor menduduki kedudukan pertama dan kedua bersama-sama Pulau Pinang daripada segi jumlah pelaburan masuk ke dalam negeri dengan nilai purata sekitar RM38 bilion sepanjang 4 tahun tersebut. Nilai pelaburan masuk ke negeri Selangor adalah seperti berikut: RM11.87 bilion (2008), RM6.76 bilion (2009), RM10.64 bilion (2010), dan RM8.74 bilion (2011). Nilai pelaburan domestik juga meningkat daripada pada tahun (2008) RM2.87 bilion, (2009) RM2.75 bilion, (2010) RM5.49 bilion dan RM4.5 bilion (2011). Pelaburan asing (FDI), sepanjang tahun 2008 hingga 2011 menunjukkan angka pelaburan yang berikut: RM9.0 bilion (2008), RM4.01 bilion (2009), RM5.15 bilion (2010), RM4.24 bilion pada 2011. Yang penting adalah peluang pekerjaan yang berjaya disediakan pelaburan masuk ke Negeri Selangor sepanjang tempoh tersebut adalah seperti berikut sejumlah 30,890 ribu orang pada tahun 2008, 22,753 orang pada tahun 2009, 27,865 orang pada tahun 2010, 20,750 orang pada tahun 2011. Bagi separuh penggal tahun 2012, berdasarkan perangkaan yang diberikan MIDA, Negeri Selangor berjaya mencatatkan nilai pelaburan yang tertinggi dan jauh meninggalkan negara-negara lain di Malaysia. Sepanjang tahun tempoh 2012 sebanyak 142 projek pelaburan baru berjaya masuk ke Negeri Selangor dan menawarkan sebanyak 13,197 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Selangor yang merangkumi pekerja mahir, separa dan kurang mahir serta golongan profesional.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil sedikit masa membawa Ahli Dewan mengetahui kedudukan ekonomi dunia serantau Negara Malaysia dan kedudukan ekonomi Negeri Selangor. Hal ini penting kerana kesemua data tersebut diambil kira dalam kita merangka belanjawan Selangor 2013 yang bertemakan Selangor peneraju ekonomi Malaysia. Dengan meneliti dan membandingkan data-data di atas barulah kita tahu kedudukan serta kemampuan Selangor. Strategi Belanjawan 2013. Belanjawan 2013 masih meneruskan semua strategi pada tahun lalu, bagaimanapun penekanan terutama pada tiga strategi utama. Pertama, memperkasakan pengurusan tenaga kerja, sumber kewangan, pentadbiran dan aset negeri. Kedua, melestarikan pembangunan inovasi dan moden. Ketiga, memperkukuh kualiti hidup rakyat. Semua strategi ini mengambil kira keperluan holistik, pembangunan fizikal dan manusia, pengukuhan prinsip serta kecekapan ketelusan dan kebertanggungjawaban pengurusan dan keseimbangan antara pelbagai elemen bagi

membolehkan hasil optimum dapat dicapai. Reformasi dari segi pengurusan dan penggunaan mahu terus diusahakan sehingga ia menjadi budaya bersama.

Memperkasa Pengurusan Sumber Tenaga, Kerja, Kewangan dan Pentadbiran Aset.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang saya hormati. Strategi terbaru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ialah memberi perhatian kepada pengurusan aset. Kerajaan Negeri Selangor buat pertama kalinya berjaya mengenal pasti dan menilai semua aset negeri atau lebih tepat lagi aset rakyat Selangor. Selangor merupakan negeri yang pertama melaksanakan proses ini. Kerajaan Negeri Selangor telah mendokumenkan 2 kategori aset, iaitu Aset Alih (Harta Modal, Inventori dan Stok) dan Aset Tak Alih (Tanah dan Bangunan). Kedudukan Aset Alih Negeri Selangor sehingga 30 September 2012 berjumlah RM177,804, 972,90. Aset Alih terbahagi kepada 2 kumpulan ialah harta modal dan inventori. Aset-aset ini akan dibuat penggantian sekira dilupuskan atau hilang dan penggantian bergantung pada keperluan dan kedudukan kewangan Negeri. Aset Tidak Alih sehingga 30 September 2012 Kerajaan Negeri mempunyai Aset Tidak Alih berjumlah 14,000 juta, RM14,950,192,846.00 bagi 17 jabatan di negeri Selangor. Bagi memastikan Aset Tak Alih selamat digunakan dan penyelenggaraan amat penting agar aset itu dalam keadaan baik dan dapat memanjangkan jangka hayat. Nilai keseluruhan Aset Alih dan Aset Tak Alih ini berjumlah tidak kurang daripada RM15 bilion. Nilai ini termasuk tidak termasuk nilai aset air dalam Negeri ini. Menurut juru nilai ERINCO Sdn. Bhd. nilai aset air yang merangkumi empangan, loji rawatan air, kolam, rumah pam dan serta data-data sistem pengagihan bernilai tidak kurang RM 12,357,000.00. Kita berpendapat hanya dengan adanya rekod yang lengkap maka aset-aset ini dapat diselia dengan lebih teratur dan efektif bagi mendapatkan pulangan terbaik dari penggunaannya hatta penjimatan kos jangka panjang.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan Negeri dijangka dapat memperluaskan konsep "*value for money*" dalam setiap urusan pengurusan dan pentadbiran Kerajaan. Sukacita saya memaklumkan bahawa sepanjang Januari – Oktober 2012 terdapat projek berjumlah RM 446.9 juta telah diluluskan secara tender terbuka. Anggaran kos projek ini pada awalnya ialah RM 549.14 juta. Ini bermakna amalan tender terbuka oleh Kerajaan Negeri telah dapat membuat penjimatan sejumlah RM 102.2 juta bermakna bersamaan 18.61%. Justeru, tohmahan jahat setengah orang yang tak ada pengetahuan dalam pentadbiran ekonomi kononnya rizab negeri melonjak kerana kita menyimpan wang dan tidak membelanjakan untuk pembangunan rakyat dan rizab negeri meningkat kerana segala pembangunan dan projek dilaksanakan secara telus dan tidak berlaku ketirisan dalam pelaksanaannya serta perbelanjaan berhemat tidak melampaui batas yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

Menyemai angin menuai badai,  
alang-alang bertukang terbuang kayu,  
alang-alang berjuang kita terus maju.

Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Melestarikan Pembangunan Inovasi dan Moden.

Strategi kedua adalah melestarikan Pembangunan Inovasi Moden dengan pelaksanaan program “dari pejabat kepada rakyat”, pengurusan projek mampan dan membudayakan penyelenggaraan jalan raya dalam kawasan secara *in-house*, pengurusan pendekatan baru, pengurusan sisa pepejal, *low carbon cities framework*, penyusunan semula industri air dan pembangunan industri. Kerajaan Negeri Selangor sudah pun memulakan usaha untuk mendigitalkan semua rekod pemilikan tanah di Pejabat Tanah dan Galian dan semua Pejabat Tanah dan Daerah akan juga dibuat serupa. Pelaksanaan projek ini bertujuan merakyatkan semua Pejabat Tanah dan Daerah bagi memulihkan segala urusan dilakukan di perkarangan rakyat tanpa perlu berulang alik ke Pejabat Kerajaan. Kita telah pun melaksanakan projek secara berperingkat bermula di Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Melalui sistem moden ini kita berjaya mengurangkan beban menyimpan dokumen dan fail-fail tanah yang tidak jumlahnya tidak kurang dari 2 juta fail kerajaan berhadapan dengan situasi getir apabila Alam Flora memberhentikan perkhidmatan dalam negeri ini. Alhamdulillah kerajaan sekarang telah bersedia menghadapi situasi tersebut telah menyedari perjanjian yang dimeterai bersama Alam Flora bersama Kerajaan dahulu adalah perjanjian berat sebelah dan merugikan rakyat negeri ini. Natiyah daripada pembatalan tersebut maka pengutipan sisa pepejal kini dilakukan sendiri oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Apabila kita mengambil alih pengurusan tersebut kita berusaha melaksanakan banyak penambahbaikan terhadap sistem pengurusannya, antaranya:

- (i) Mengamalkan Sistem Tender Terbuka dan secara terbuka dan konsep menentukan *owner operator, value for money* menjadi keutamaan dalam melantik kontraktor.
- (ii) Melengkapkan PBT Dengan Kompaktor; dan setakat ini 18 kompaktor telah diserahkan kepada MBPJ, 4 buah kepada Hebat Abadi, 12 buah kepada MBSA dan mengagihkannya kepada MPK 4 buah dan kepada kontraktor MBSA 4 buah dan 4 buah lagi ke Majlis Daerah Hulu Selangor.
- (iii) Pengurusan Hutang PBT kepada Alam Flora; Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan rundingan dengan pihak PBT dan Alam Flora dalam usaha bagi menyelesaikan semua tunggakan hutang yang perlu diselesaikan. Hasil



daripada semakan yang kita lakukan Kerajaan Negeri akan membuat tuntutan balas pada Alam Flora kerana kebanyakan kompaktor dan mesin yang dipulangkan kepada kita dalam keadaan yang sangat teruk. Kita juga membuat pemantauan aduan sisa pepejal. Kerajaan Negeri telah melancarkan talian tetap aduan sampah. Boleh dipanggil tol *free* 1 800 88 2824 bagi memudahkan berbagai-bagai pihak membuat aduan diuruskan oleh Bahagian Korporat, Setiausaha Kerajaan.

- (iv) Semua PBT turut melantik kontraktor sokongan bagi menggantikan segera kontraktor yang ditamatkan perkhidmatan disebabkan prestasi yang tidak memuaskan.
- (v) Pengezonan semula; Kerajaan Negeri turut mengarahkan agar PBT dapat melakukan semula proses pengezonan kawasan bagi memudahkan aktiviti pemantauan.
- (vi) Kerajaan Negeri melalui Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN telah menubuhkan unit khas bagi menjalankan audit kutipan sisa pepejal sebagai usaha mengumpul data serta masalah yang dihadapi oleh kontraktor yang dilantik.

Dato' Speaker dan sidang Dewan sekalian.

Sukacita saya maklumkan hasil daripada usaha kita melaksanakan sendiri hasil kutipan sisa pepejal kita berjaya menjimatkan kos sebanyak RM 80.9 juta setahun berbanding semasa di bawah kendalian oleh Alam Flora dan wang penjimatan ini kita salurkan kepada rakyat sejajar dengan semangat 'Hasil Negeri Untuk Rakyat' melalui skim pemberian 25% rebet cukai pintu kepada rumah flat kos rendah di seluruh negeri Selangor.

Sidang Dewan yang dimulikan,

Strategi yang sama kita gunakan dalam melihat isu air serta keseluruhan industri penjimatan air melibatkan empat (4) komponen utama iaitu air mentah, air terawat, sistem agihan dan pengguna. Banyak kekeliruan yang timbul berkenaan air di negeri Selangor ini bermula dengan isu penyusunan semula, pensektoran semula industri air yang diikuti dengan kapasiti bekalan air dan yang terkini muncul pula isu Loji Rawatan Air Langat II. Kerajaan Negeri mengambil ketetapan bahawa Negeri Selangor mempunyai jumlah air mentah yang mencukupi berdasarkan sejumlah data yang dipetik daripada kajian semula sumber air Negara *review* dengan izin *Review of The National Water Resources Study* tahun 2000 hingga 2050 yang dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa taburan hujan tahunan

negeri Selangor terkini adalah sebanyak 2,190 milion meter setelah diambil kira penyatatan dan susupan semula air bumi. Jumlah air larian permukaan ialah 6,300 juta meter pada tahunan bersamaan 17,000 liter sehari.

Keperluan air negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dianggarkan hanya 7,830 juta meter dan air mentah yang ada di Selangor ini bukan hanya tertumpu pada air terdapat di ampangan tetapi juga termasuk air di sepanjang hulu sungai hinggak ke hilir sungai. Pada ketika ini dilepaskan saja terus ke laut.

Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kita sepatutnya memanfaatkan air mentah yang sedia ini tanpa membiarkan terbuang begitu sahaja. Kerajaan Negeri mengambil pendirian bahawa potensi air mentah yang sedia ada di negeri Selangor seharusnya ditingkatkan penggunaannya sebelum dibuat keputusan terhadap usaha penyaluran air dari Pahang ke Selangor.

Strategi yang ketiga diambil oleh kerajaan ialah memperkukuh kualiti hidup rakyat. Ia merangkumi penyelesaian isu kemiskinan isi rumah sama ada di bandar atau luar bandar dan daripada kebajikan kepada bekerja, memperkasa IPT Selangor bagi memenuhi keperluan pasaran kerja, pembinaan Rumah Kos Rendah dan Rumah Mampu Milik serta Pembangunan Usahawan, usaha mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan, memupuk rakyat berilmu, berakhlak mulia dan hidup sihat, memperkasa kaum wanita.

Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) akan terus dipacu pelaksanaannya. Ia meliputi pembentukan dan Pembangunan Tabung Warisan Anak Kelahiran Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma bagi 20 meter padu, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Mewujudkan Pusat Perkhidmatan Krisis Seheni, Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Skim Mikrokredit Selangor; Skim Kesihatan Wanita; Skim Mikrokredit Miskin Bandar, Pusat Tuisyen Rakyat.

Pelbagai program kebajikan telah dan akan terus disediakan yang meliputi semua program sasar yang memerlukan, sama ada dalam bentuk bantuan kebajikan, latihan kemahiran dan latihan pembangunan untuk golongan wanita, orang kelainan upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak anak yatim serta ibu tunggal yang kurang berkemampuan.

Kerajaan Negeri juga amat prihatin terhadap keselamatan rakyat di negeri ini yang sentiasa terganggu dengan meningkatnya indeks jenayah. Justeru itu, usaha sedang dilakukan untuk menangani masalah ini. Sebuah Jawatankuasa Induk Menangani Keselamatan Rakyat akan ditubuhkan dengan melibatkan pelbagai pihak antaranya Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Pemaju Perumahan REHDA, Polis Diraja Malaysia Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Persatuan-persatuan Penduduk, JMB dan

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Jawatankuasa ini berperanan sebagai agen meningkatkan usaha menangani gejala sosial dengan lebih berkesan.

Sebagai negeri maju mengutamakan kebajikan rakyat, Kerajaan Negeri Selangor menggunakan beberapa pendekatan yang sesuai untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat menjadi lebih selesa dan memenuhi keperluan asas kepada masyarakat tanpa mengira bangsa, usia, fahaman politik dan agama.

Melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor, rakyat negeri Selangor turut mendapat manfaat daripada hasil negeri yang diperolehi dan secara tidak langsung dapat meringankan tanggungan beban yang dihadapi.

Bagi Program Pembangunan Modal Insan, program-program yang berasaskan elemen SPIES (*Spiritual, Physical, Intelktual, Emosi dan Sosial*) akan diteruskan dengan penambahbaikan dari masa ke semasa yang merangkumi keseluruhan peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah, *treasurery* dan pendidikan sepanjang hayat.

Puteri Kayangan Si Manja Lela,

Ditemani Tuanku ke Nilam Puri,

Belanjawan 2013 di seimbang segala,

Sejahteralah rakyat makmurlah negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Belanjawan 2013 negeri Selangor adalah Belanjawan berimbang. Sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat telah berjaya dan konsisten selama lima tahun berturut-turut membentangkan belanjawan berimbang. Hal ini sekali gus membuktikan kemampuan kita mentadbir secara telus, berhemat berbelanja dan mengamalkan pengurusan kewangan secara berhemah. Pada masa yang sama kita telah memastikan kelestarian pertumbuhan ekonomi negeri.

Anggaran hasil negeri pada tahun 2013 berjumlah RM1,630,000.00. Anggaran hasil terdiri daripada Hasil Cukai RM584 juta atau 35.86 peratus, Hasil Bukan Cukai RM859.8 juta ataupun 52.75 peratus, Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM185.7 juta ataupun 11.4 peratus.

Anggaran Perbelanjaan Negeri diperakui pada tahun 2013 juga berjumlah RM1,630 juta. Perbelanjaan Mengurus diperuntukkan sebanyak RM996.98 juta iaitu 61 peratus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan Bekalan, Perbelanjaan Pembangunan yang disediakan.

Cadangan Belanjawan Mengurus berjumlah RM996.98 juta berbanding dalam peruntukan asal pada 2012 sebanyak RM1,000 juta (1 bilion). Penurunan sebanyak 0.3 peratus dari segi perbelanjaan ialah penurunan bayaran balik pinjaman Persekutuan yang telah dibayar secara komited dan berkala oleh Kerajaan Negeri.

Cadangan Perbelanjaan Pembangunan 2013 adalah berjumlah RM633.019 juta berbanding dengan peruntukan asal tahun 2012 berjumlah RM600 juta. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini diagihkan kepada beberapa sektor utama. Sektor Infrastruktur RM343.2 juta ataupun 54 peratus, Sektor Sosial RM188.4 juta atau 30 peratus, Sektor Ekonomi RM91.95 juta – 15 peratus, Sektor Perbandaran RM9.4 juta atau 1 peratus. Anggaran-anggaran ini kita akan cantumkan sebagai sebahagian daripada belanjawan yang kita berikan.

Belanjawan Berimbang 2013 Negeri Selangor membuktikan iltizam Kerajaan Negeri terhadap hasrat untuk memastikan setiap perbelanjaan mendapat nilainya. Kerajaan Negeri juga mampu memberi justifikasi dalam setiap perbelanjaan yang dilakukan. Pada masa yang sama semua program pembangunan demi kesejahteraan rakyat berjaya diteruskan. Hal ini selari dengan harapan kita dan selalu kita nyatakan, menjadi Negeri Selangor sebagai sebuah negeri *baldatun thoibatun warabbulgapur* ia ini segala negara sejahtera mendapat keampunan Tuhan sebagaimana firman Allah dalam Surah Saba' ayat 15.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pentadbiran dan pembangunan negeri Selangor dilaksanakan dengan corak yang agak berbeza dari negeri-negeri yang lain. Konsep hasil negeri untuk rakyat telah disebarluaskan di seluruh pentadbiran negeri. Modal pelaksanaannya bukan sekadar datang dari peruntukan Belanjawan Negeri Kerajaan Negeri kreatif dengan menggunakan sumber-sumber lain bagi meningkatkan pelaburan pembangunan infrastruktur. Hal ini terbukti bila mana kita mengumumkan peruntukan Geran SelangorKu pada belanjawan 2012 yang berjumlah RM300 juta. Izinkan saya dengan serba sedikit memberikan status pelaksanaan Geran SelangorKu yang berjumlah RM300 juta telah dilancarkan pada tahun 2012 yang bersumberkan sebahagian besarnya daripada kejayaan Kerajaan Negeri Selangor mendapatkan hutang lapuk Syarikat Talam *Corporation* serta menyusun semula dan mengemas kini projek usaha pembangunan hartanah anak-anak syarikat Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat, berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana ucapan pembentangan Belanjawan 2012 masih belum selesai, maka Dewan pada hari ini perlu disambung, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, tak lama lagi, sekejap. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga selesai Ucapan Pembentangan Belanjawan 2013 dibacakan”.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'. Dipersetujui. Dipersilakan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Speaker.

Sebanyak RM50 juta kita telah peruntukkan untuk pembangunan infrastruktur di Negeri Selangor sehingga pertengahan Oktober 2012 sebanyak 246 projek infrastruktur telah diluluskan merangkumi sembilan (9) daerah Negeri Selangor dengan perbelanjaan sejumlah RM37.4 juta dan hal ini merangkumi penurapan, mengecat dan memperbaiki jalan, pembaikan longkang, penambahan, pembaikan semua lampu jalan, pelebaran jalan, pembinaan jalan-lorong, dataran pantai, jalan rizab, pembaikan pemetung dari tersumbat atau sebagainya.

Pembangunan Infrastruktur Sukan berjumlah RM30 juta telah diperuntukkan. Lebih daripada 35 projek telah diluluskan meliputi sembilan (9) daerah di Selangor.

Bagi program bukan fizikal, 62 projek telah diluluskan dan perbelanjaan sebanyak RM7.48 juta telah dibelanjakan. Program tersebut meliputi Pemerksaan Wanita, Sokongan Pendidikan, Keusahawanan Muda, Penggerak Pembangunan Luar Bandar, Kebajikan Kepada Pekerja, Pembasmian Rasuah dan Penyelewengan, Pengenalan Gaji Minima, Pengukuhan Budaya dan Pengukuhan Demokrasi. Pelaksanaan program-program di bawah Geran SelangorKu ini akan terus kita pergiatkan pada 2013.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Sidang Dewan yang dihormati.

Tuah ayam nampak di taji, tuah rakyat pada kebijakny pemimpin mentadbir negeri.

Pada awal bicara, saya telah gariskan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Oktober 2012 dan secara keseluruhannya menunjukkan prestasi yang baik. Bagi ketiga Kumpulan Wang Disatukan, Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan kini sudah mencecah RM2,570,000,000. Ramai yang mahukan rizab kita ini dibelanjakan. Sebaliknya saya

berpandangan rizab negeri ini tidak harus digunakan bagi menampung kos pengurusan, mahupun untuk melaksanakan pembangunan biasa, jauh sekali untuk memberi gula-gula kepada rakyat meskipun pilihan raya umum yang begitu hampir. Saya tegas mengatakan rizab Negeri Selangor hanya boleh digunakan apabila wujud desakan di luar jangkaan dan kegunaannya mestilah untuk rakyat yang teramai.

Sidang Dewan yang dimulikan,

Berpandukan petunjuk ekonomi dunia yang dijangka mengalami kelembapan pada tahun hadapan berikutan juga pergeseran diplomatik antara China dan Jepun saya menjangkakan kesan bakal juga terasa terhadap ekonomi Malaysia dan Selangor. Semakin terasa apabila komoditi kelapa sawit mula menjunam jatuh ketika ini. Hutang negara Malaysia pula nampaknya terus menghampiri had siling 55 peratus nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pada tahun 2012, hutang kita sejumlah 53.7 peratus. Sekarang pada tahun ini, sudah meningkat kepada 54.2 peratus. Justeru itu, meskipun Kerajaan Negeri ketika ini amat selesa, namun peringatan agar beringat-ingat harus tidak dipandang ringan, selari dengan maksud tersirat dalam bidalan Melayu, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, beringat-ingat dahulu, bersenang senang kemudian.

Kerajaan Negeri Selangor yakin rizab negeri yang tinggi ini adalah hasil daripada perbelanjaan berhemah yang dilakukan pemimpin. Oleh sebab sikap Kerajaan Persekutuan yang tidak berlaku adil kepada rakyat Selangor dalam hal menyalurkan dana pembangunan ke negeri ini meskipun negeri Selangor adalah penyumbang utama kepada ekonomi negara iaitu sebanyak 23 peratus, maka telah wujud keadaan mendesak, iaitu sudah tiba masanya Kerajaan Negeri menggunakan rizab negeri pada tahun 2013. Kita bercadang menggunakan sejumlah RM500 juta dari wang rizab untuk projek-projek berikut :

- i) RM300 juta bagi pembinaan jambatan ketiga di Klang. Saya difahamkan upacara pecah tanah telah disempurnakan oleh kerajaan terdahulu beberapa hari sahaja sebelum Pilihan Raya Umum ke-12. Malangnya, setelah lebih empat tahun, jangankan jambatan, sebatang rangka tiang pun masih tidak kelihatan. Oleh sebab itu, pada tahun 2013 nanti, meskipun kita maklum bahawa pembinaan jambatan adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, namun Kerajaan Negeri akan mendahulukan wang untuk pembinaannya bagi “mengotakan” Janji Yang Tidak Ditepati Oleh UMNO dan Barisan Nasional;
- ii) RM100 juta bagi memulakan pelaksanaan penggunaan *Storm Water* di hiliran sungai sebagai sumber air terawat. Kaedah pembangunan *storm water* ini sedang dikaji dan ia akan melibatkan :

- a) Penadahan air semasa hujan.
- b) Penakungan air di buat melalui bekas lombong.
- c) Rawatan air yang dibuat menggunakan teknik penurasan tebing sungai.
- d) Agihan boleh dibuat melalui sistem agihan sedia ada.

Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk menerokai pembangunan air di hiliran sebagai sumber air terawat terutama di lokasi Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Semenyih dengan kaedah yang sesuai dan praktikal.

- iii) RM50 juta digunakan untuk memperbaiki dan menaik taraf sistem saliran di Negeri Selangor bagi menampung sementara kegagalan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion kepada Jabatan Parit dan Saliran. Peruntukan ini juga sedia digunakan untuk kita menterjemahkan Pakej Rangsangan Pemulihan Sungai Klang yang diumumkan pada 2009 kepada tindakan dan pelaksanaan.
- iv) RM50 juta membina rumah mampu milik melalui projek “Rumah Mampu Milik Pasang Siap” yang bakal dikendalikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membantu rakyat yang terbeban, terutama untuk keluarga yang kepala keluarganya berumur 45 tahun dan ke bawah dengan harga rumah yang melambung pada pasaran ketika ini. Projek ini diyakini mampu memberi keseimbangan terhadap harga tinggi dan trend lonjakan harga rumah kesan dari penawaran dan permintaan akibat pengambilan untung yang keterlaluan oleh kalangan pemaju. Dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperbaiki kesan-kesan harga pasaran yang terjadi akibat aktiviti perniagaan persaingan dan spekulasi dan perniagaan hartanah ini.

Dato' Speaker dan Sidang Dewan sekalian,

Insyaa-Allah, semua usaha yang kita lakukan akan menjadikan Selangor Peneraju Ekonomi Malaysia. Hal ini membawa mesej bahawa negeri ini memacu pembangunan negara serta menjadi kayu ukuran untuk dicontohi hampir di semua sektor ekonomi. Tegasnya, negeri ini kita kemudi dengan amalan politik baharu. Pada Belanjawan 2013 ini, ditekankan soal nilai, keadilan, kepedulian rakyat dan pembangunan untuk semua. Pelaksanaannya mengatasi kepentingan individu, menjangkau batasan kaum, warna kulit mahupun kepercayaan agama hatta ideologi politik sejajar dengan hasrat merakyatkan ekonomi negeri. Diharapkan, cara kita ini menjadi ikutan dan panduan generasi mendatang dalam hal menghasilkan “penyelenggaraan yang kemas dan bersih” tata kelola yang baik terhadap negeri ini, seterusnya memuaskan hati

penghuninya, iaitu rakyat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, serta pemerintahan negeri Selangor Darul Ehsan, yang ditaati dan disayangi.

Saya yakin dengan usaha yang berterusan, ikhlas dan disusuli dengan doa yang berpanjangan, Selangor pasti menjadi peneraju dalam semua aspek kehidupan di negara Malaysia yang tercinta ini.

Ditemani Tuanku ke Nilam Puri,

Dikawal panglima si orang Jawa,

Sejahteralah rakyat makmurlah negeri,

Rakyat sebangsa senegeri sejiwa.

Saya memohon kepada Allah Subhanahuwataala agar kita semua diberikan petunjuk dan hidayah, kekuatan, kesetiaan untuk melaksanakan keadilan dan kesamarataan kepada semua.

Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pembentangan saya ini, saya mohon mencadangkan.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66(2), sesudah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan kali yang kedua, perbahasan hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada satu hari. Oleh itu perbahasan ini ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada 20hb November 2012, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 tengah hari )**